



Penyelamat banjir Lubok China **11**

Rindu terlerai

SYAWAL 2022 menjadi lebih bermakna bukan sahaja meraikan kemenangan berpuasa, malah umat Islam seluruh negara dapat menyambut Aidilfitri dengan penuh kemeriahan tanpa sekatan...

2,3,4,5&6



FERI membawa 175 pelancong Indonesia tiba di Melaka buat kali pertama selepas lebih dua tahun. Ia susulan pembukaan semula sempadan negara sebaik negara memasuki fasa peralihan endemik. Foto Iqmal Haqim Rosman

BAHARUDIN Idris, 56 bergambar bersama anak-anaknya selepas hadir menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al Azim, 2 Mei lalu. Foto Iqmal Haqim Rosman



Dapatkan e-paper MHI di sini



SILA IMBAS UNTUK BORANG PERMOHONAN



JOM MASUK KAQSA

KOLEJ AL-QURAN SAYYIDINA ALI (KAQSA)
PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU
DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN QIRAAT

Satu Satunya IPTA Tahfiz Di Bawah Kerajaan Negeri Melaka

Dermaiswa TAPEM disediakan (Bagi yang berketayakan)



Hubungi kami : 013 202 8443 / 06-231 4240

Permohonan kemasukan akan dibuka pada 22 Mac - 23 Mei 2022

TYT, KM bersama 3,000 jemaah tunai solat sunat Aidilfitri



TUN Mohd Ali, Sulaiman bersama jemaah menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al Azim pada 1 Syawal lalu.

Siti Salehah

BUKIT PALAH - Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama isteri Toh Puan Asmah Abd Rahman hadir menunaikan solat sunat Aidilfitri bersama kira-kira 3,000 jemaah di Masjid Al Azim, di sini, 2 Mei lalu.

Hadir sama mengiringi beliau, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali; EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Zaidi Atan, Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil dan Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Datuk Che Sukri Che Mat.

Solat sunat Aidilfitri itu diimamkan oleh Imam Masjid Negeri Datuk Mu-

hammad Hashim Al-Hafiz.

Terdahulu Tun Mohd Ali bersama Sulaiman tiba di perkarangan masjid kira-kira jam 8.20 pagi.

Selepas menunaikan solat, Tun Mohd Ali meluangkan masa mendengar khutbah bertajuk Mensyukuri Nikmat Aidilfitri sebelum melawat Makam Pahlawan Melaka.

Suasana solat sunat Aidilfitri kali ini meriah berikutan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) diumumkan kerajaan, seperti tiada lagi penjarakan fizikal.

Turut dilihat ibu bapa membawa bersama anak-anak kecil, tidak kurang yang mengambil kesempatan berswafoto untuk berkongsi detik kemeriahan sambutan Aidilfitri tahun ini.

Seronok beraya, jangan abai keselamatan diri - KM

BUKIT PALAH - Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menasihatkan rakyat Melaka supaya mengutamakan keselamatan diri dalam keseronokan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Beliau berkata, walaupun aktiviti kunjung mengunjung sudah dibenarkan dan juga prosedur operasi standard (SOP) dilonggarkan kerajaan namun masyarakat diingatkan untuk tidak mengambil mudah hal membabitkan keselamatan diri mereka.

"Kepada seluruh rakyat Melaka saya memohon apabila kita dibenarkan untuk berkunjung bersalam-salaman saya harap menjaga kesihatan diri.

"Ia kerana pandemik masih belum berakhir. Jaga keselamatan diri," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Azim, 2 Mei lalu.

Menurutnya, keselamatan ketika di jalan raya juga perlu diberi keutamaan dengan jumlah kenderaan dijangka meningkat susulan aktiviti ziarah bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

"Mereka yang akan berhari raya ataupun pulang ke kampung dengan menaiki kenderaan saya pohon sekali lagi agar hati-hati di jalan raya.

"Dalam kita menyambut hari gembira dan kemenangan ini selepas sebulan kita menahan lapar serta dahagajangan jadi sebarang perkara yang tidak baik," katanya.

Sulaiman berkata, meskipun sambutan Aidilfitri disambut lebih awal namun segala persiapan untuk menunaikan solat sunat berjalan lancar di semua masjid dan surau yang dibenarkan.

"Saya difahamkan masjid dan surau yang dibenarkan untuk menunaikan solat



SULAIMAN bergambar bersama jemaah selepas menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al Azim.

Foto Mohd Azren Jamaludin

"Ia kerana pandemik masih belum berakhir. Jaga keselamatan diri,"

sunat Aidilfitri ramai yang datang.

"Malah pasar-pasar juga dikatakan turut beroperasi sehingga pagi bagi memberi peluang untuk membeli barangan untuk sambutan hari raya," katanya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

11 Mei - 15 Mei 2022 (09 Syawal - 15 Syawal 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11 Mei 2022	5.50am	7.01am	1.10pm	4.31pm	7.16pm	8.28pm
12 Mei 2022	5.50am	7.01am	1.10pm	4.32pm	7.16pm	8.28pm
13 Mei 2022	5.50am	7.01am	1.10pm	4.32pm	7.16pm	8.29pm
14 Mei 2022	5.49am	7.01am	1.10pm	4.32pm	7.16pm	8.29pm
15 Mei 2022	5.49am	7.01am	1.10pm	4.32pm	7.16pm	8.29pm
16 Mei 2022	5.49am	7.01am	1.10pm	4.32pm	7.16pm	8.29pm
17 Mei 2022	5.49am	7.01am	1.10pm	4.33pm	7.16pm	8.29pm



SULAIMAN bersama isteri hadir ke Rumah Terbuka DUN Merlimau, 4 Mei lalu. Foto: Mohd Azren Jamaludin

Rumah terbuka Melaka meriah!

MELAKA - Sambutan Aidilfitri tahun ini nyata cukup istimewa dan berbeza berbanding dua tahun sudah apabila lebih banyak kelonggaran diberikan kerajaan termasuklah penganjuran rumah terbuka.

Di Melaka, kemeriahan itu nyata dirasai apabila kesemua 28 Dewan Undangan Negeri (DUN) menganjurkan rumah terbuka khas untuk merayakan hari kemenangan umat Islam bersama rakyat.

Menariknya, boleh dikatakan kesemua penganjuran rumah terbuka oleh pemimpin di setiap kawasan itu turut dimeriahkan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama isteri Toh Puan Asmah Abd Rahman.

Ia turut diserikan dengan kehadiran Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersama isteri Datin Seri Munira M Yusop dan pemimpin-pemimpin lain.

DUN KUALA LINGGI membuka tirai penganjuran rumah terbuka di negeri ini pada 4 Mei lalu bertempat di Kompleks JAPERUN Kuala Linggi.

Majlis anjuran bersama Speaker DUN Datuk Wira Ibrahim Durum dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi Rosli Abdullah itu menerima sambutan luar jangka dihadiri apabila lebih 5,000 pengunjung sebaik majlis bermula pada jam 10 pagi hingga 2 petang.

Malah ia turut menerima kedatangan selebriti tempatan Datuk Jala-luddin Hassan yang turut sama memeriahkan majlis.

Di MERLIMAU, rumah terbuka anjuran Dr Muhamad Akmal Saleh yang juga ADUN kawasan itu turut menerima sambutan luar biasa daripada pengunjung.

Majlis itu diadakan di kediamannya pada 4 Mei bermula jam 8 hingga 11 malam.

Tetamu bukan sahaja dihidangkan dengan pelbagai makanan enak, bahkan ketibaan mereka turut disambut dengan sekumpulan lelaki berpakaian seperti hulubalang.

Di BEMBAN, Penyelaras DUN Datuk Wira Hasan Abd Rahman menerima ribuan pengunjung pelbagai

kaum hadir ke majlis yang diadakan pada 5 Mei bermula jam 10 pagi itu.

Pada sebelah malam pada 5 Mei, DUN RIM pula mengambil alih penganjuran rumah terbuka yang diadakan di Dewan Alamanda Jasin.

Dianggarkan tidak kurang 5,000 pengunjung hadir pada rumah terbuka oleh ADUN Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar itu yang turut menyajikan jamuan makanan raya kepada pengunjung.

Sementara itu, di AYER LIMAU, sambutan rumah terbuka pada 6 Mei tidak kurang hebatnya dengan kehadiran pengunjung melebihi 5,000 orang.

Majlis yang diadakan di kediaman ADUN Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer itu turut diserikan dengan persembahan kugiran dan pertunjukan bunga api.

Di PAYA RUMPUT pula, rumah terbuka yang diadakan di kediaman ADUN kawasan Datuk Rais Yasin pada 7 Mei disambut penuh kesyukuran.

Selain hidangan pelbagai juadah, majlis itu turut diserikan dengan alunan qasidah sepanjang majlis yang diadakan bermula jam 11 pagi hingga 2 petang itu.

Di sebelah malam pula, sambutan luar jangka diterima di rumah terbuka DUN SUNGAI UDANG selepas ia dibanjiri tidak kurang 10,000 pengunjung.

Majlis yang diketolakan Penyelaras DUN Sungai Udang Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad itu turut dimeriahkan dengan kehadiran penyanyi legenda Datuk Hail Amir.

Manakala di SUNGAI RAMBAI, percikan bunga api berwarna-warni menambah seri pada majlis rumah terbuka anjuran ADUN kawasan Siti Faizah Abdul Azis.

Dianggarkan lebih 7,000 pengunjung yang hadir turut disaji dengan pelbagai juadah enak, selain persembahan nyanyian.

Selap ini, terdapat 19 lagi DUN bakal menganjurkan rumah terbuka di negeri ini yang sudah pasti bakal menambah lebih kemeriahan pada perayaan Aidilfitri tahun ini.

SENARAI RUMAH TERBUKA KERAJAAN NEGERI MELAKA

(Dikemaskini 10 Mei 2022 - tertakluk pada perubahan penganjur)

1. DUN KUALA LINGGI

Anjuran: Speaker DUN Datuk Wira Ibrahim Durum & ADUN Kuala Linggi Rosli Abdullah
Tarikh: 4 Mei 2022
Masa: 10 pagi - 2 petang
Tempat: Kompleks JAPERUN Kuala Linggi

2. DUN MERLIMAU

Anjuran: ADUN Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh
Tarikh: 4 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Kediaman ADUN

3. DUN BEMBAN

Anjuran: Penyelaras DUN Bemban Datuk Wira Hasan Abd Rahman
Tarikh: 5 Mei 2022
Masa: 10 pagi
Tempat: JAPERUN Bemban

4. DUN RIM

Anjuran: ADUN Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar
Tarikh: 5 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Dewan Alamanda Jasin

5. DUN AYER LIMAU

Anjuran: ADUN Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer
Tarikh: 6 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Kediaman ADUN di Kampung Jeram

6. DUN PAYA RUMPUT

Anjuran: ADUN Paya Rumput Datuk Rais Yasin
Tarikh: 7 Mei 2022
Masa: 10 pagi - 2 petang
Tempat: Kediaman ADUN di Kampung Paya Rumput

7. DUN SUNGAI RAMBAI

Anjuran: ADUN Sungai Rambai Siti Faizah Abdul Azis
Tarikh: 7 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: JAPERUN Sungai Rambai

8. DUN SUNGAI UDANG

Anjuran: Penyelaras DUN Sungai Udang Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad
Tarikh: 7 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: JAPERUN Sungai Udang

9. DUN KESIDANG

Anjuran: Penyelaras DUN Kesidang
Tarikh: 12 Mei 2022
Masa: 11 pagi - 4 petang
Tempat: JAPERUN Kesidang

10. DUN REMBIA

Anjuran: ADUN Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis
Tarikh: 13 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: JAPERUN Rembia

11. DUN AYER KEROH

Anjuran: Penyelaras DUN Ayer Keroh
Tarikh: 16 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Dewan Kasturi Ayer Keroh Heights

12. DUN MACHAP JAYA

Anjuran: ADUN Machap Jaya Ngwe Hee Sem
Tarikh: 20 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: JAPERUN Machap Jaya

13. DUN PANTAI KUNDOR

Anjuran: ADUN Pantai Kundor Tuminah Kadi @Mohd Hashim
Tarikh: 20 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Pentas Budaya Pantai Puteri

14. DUN TABOH NANING

Anjuran: ADUN Taboh Nanning Zulkiflee Mohd Zin
Tarikh: 20 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: JAPERUN Taboh Nanning

15. DUN LENDU

Anjuran: ADUN Lendu Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali
Tarikh: 21 Mei 2022
Masa: 8 malam hingga 11 malam
Tempat: Kompleks JAPERUN Lendu

16. DUN BUKIT KATIL

Anjuran: Penyelaras DUN Bukit Katil
Tarikh: 22 Mei 2022
Masa: 11 pagi - 4 petang
Tempat: Rumah Melaka

17. DUN TELOK MAS

Anjuran: ADUN Telok Mas Datuk Abdul Razak Abdul Rahman
Tarikh: 22 Mei 2022
Masa: 8 malam
Tempat: Bilik Gerakan Pilihanraya Telok Mas

18. DUN BANDA HILIR

Anjuran: Penyelaras DUN Banda Hilir
Tarikh: 23 Mei 2022
Masa: 8 malam
Tempat: JAPERUN Banda Hilir

19. DUN DUYONG

Anjuran: ADUN Duyong Mohd Noor Helmy Abdul Halem
Tarikh: 25 Mei 2022
Masa: 8 malam hingga 11 malam
Tempat: Perkampungan Hang Tuah

20. DUN KELEBANG

Anjuran: ADUN Klebang Datuk Lim Ban Hong
Tarikh: 27 Mei 2022
Masa: 11 pagi - 3 petang
Tempat: Kompleks JAPERUN Klebang

21. DUN ASAHAN

Anjuran: ADUN Asahan Fairul Nizam Roslan
Tarikh: 27 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Dewan Hang Kasturi Selandar

22. DUN PENGKALAN BATU

Anjuran: ADUN Pengkalan Batu Datuk Kalsom Noordin
Tarikh: 27 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: JAPERUN DUN Pengkalan Batu

23. DUN KOTA LAKSAMANA

Anjuran: Penyelaras DUN Kota Laksamana
Tarikh: 27 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Dewan Hang Tuah, Hang Tuah Mall

24. DUN GADEK

Anjuran: ADUN Gadek VP Shanmugam
Tarikh: 28 Mei 2022
Masa: 6.30 petang - 10 malam
Tempat: JAPERUN Gadek

25. DUN DURIAN TUNGGAL

Anjuran: ADUN Durian Tunggal Zahari Abd Kalil
Tarikh: 28 Mei 2022
Masa: 8 malam
Tempat: Masjid An Nur Kampung Beringin

26. DUN SERKAM

Anjuran: ADUN Serkam Datuk Zaidi Attan
Tarikh: 28 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Dewan Serbaguna Kompleks JAPERUN Serkam

27. DUN TANJUNG BIDARA

Anjuran: ADUN Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh
Tarikh: 29 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Villa D'Acqua Masjid Tanah

28. DUN AYER MOLEK

Anjuran: ADUN Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman
Tarikh: 30 Mei 2022
Masa: 8 malam - 11 malam
Tempat: Dewan JAPERUN Ayer Molek

Meriahnya Aidilfitri Melaka



YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama Isteri Toh Puan Asmah Abd Rahman dan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, merangkap ADUN Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar di Dewan Alamanda, Jasin. Foto Mohd Azren Jamaludin



TUN Mohd Ali pada Cerapan Rasmi Hilal Syawal di Balai Cerap Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara. Foto Jabatan Mufti Negeri Melaka



PENYELARAS Dewan Undangan Negeri (DUN) Bemban, Datuk Wira Hasan Abd Rahman meraikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan isteri Datin Seri Utama Munira M Yusop pada Majlis Rumah Terbuka di JAPERUN Bemban. Foto Mohd Azren Jamaludin



PENGERUSI Badan Perhubungan UMNO Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Seri Perdana. Hadir sama, Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO Datuk Rais Yasin.



SEORANG jemaah mengambil kesempatan berswafoto ketika menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Azim. Foto Iqmal Haqim Rosman




ADUN Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh bergambar bersama tetamu yang hadir di Majlis Rumah Terbuka DUN Merlimau

● Dari Muka 4



RAKYAT Melaka menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Azim bersama Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam yang diiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali. Foto Mohd Azren Jamaludin



TIMBALAN Yang di-Pertua Dewan Negara merangkap Penyelaras DUN Sungai Udang Datuk Seri Dr Mohamad Ali Mohamad, menyampaikan cenderamata kepada Sulaiman dan isteri pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Sungai Udang. Foto Mohd Azren Jamaludin



KEHADIRAN Sulaiman dan isteri memeriahkan lagi sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Masjid Tanah di Dewan Kompleks KBS Masjid Tanah yang turut diraikan pelbagai kaum. Foto Mohd Azren Jamaludin



ADUN Paya Rumput Datuk Rais Yasin (berdiri) menyantuni Setiausaha Politik Ketua Menteri Melaka, Abdul Hakim Abdul Wahid (kiri), Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu dan Setiausaha Khas Hal Ehwal Kebajikan Masyarakat Ketua Menteri Datuk Muhammad Ahyad Abdullah pada penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Paya Rumput. Foto Iqmal Haqim Rosman



KEMERIAHAN Aidilfitri terasa selepas umat Islam di negara ini dibenarkan menunaikan solat sunat Aidilfitri tanpa sekatan atau penjarakan sosial seperti dua tahun lalu. Foto Iqmal Haqim Rosman



Umat Islam berjalan menuju ke Masjid Al-Azim untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri pada 1 Syawal lalu. Foto Iqmal Haqim Rosman



PERSEMBAHAN kugiran menyeronokkan Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Ayer Limau.

Hotel kucing 'laku keras' raya ini

Siti Salehah

MERLIMAU – Rata-rata hotel kucing di negeri ini penuh ditempah pemilik haiwan peliharaan itu yang mahu pulang ke kampung untuk menyambut Aidilfitri.

Walaupun ada segelintir yang dibawa bersama pulang ke kampung namun ramai juga pemiliknya membuat keputusan meninggalkan 'si bulus' kesayangan mereka di hotel sepanjang ketiadaan mereka di rumah.



KEADAAN hotel kucing yang diusahakan Rosazrie Alias di Merlimau.

Bagi pemilik Mimi Cat Hotel, Juan Mazeiour Khan, berkata, dia mula menerima tempahan daripada pemilik kucing sejak seminggu sebelum Ramadan sebelum ia penuh kerana ramai yang mencari premis untuk meninggalkan haiwan peliharaan mereka itu.

Katanya, situasi itu mungkin disebabkan ramai yang menyambut Aidilfitri di kampung halaman susulan dua tahun tidak dapat berbuat demikian susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19.

"Saya sudah jangka akan mendapat permintaan, hotel kucing ini sama situasi seperti kita hendak pergi bercuti ketika 'peak season' kalau lambat buat tempahan pasti hotel akan penuh.

"Bagi Mimi Cat Hotel kami tidak mengambil terlalu banyak kerana kami hadkan satu sangkar hanya dua ekor sahaja dan untuk kali ini hanya 18 ekor sahaja yang diambil.

"Namun begitu, ia bergantung kepada pemiliknya, jika mereka bencanya kucing mereka berkongsi sangkar baru kita tempatnya dengan seekor lagi kucing lain. Ada juga yang masih bertanya sekiranya ada kekosongan tetapi memang kita hadkan setakat itu

sahaja," katanya.

Katanya, bilangan itu agak terhad kerana dia kini beroperasi di kediaman susulan premisnya terpaksa ditutup susulan terkesan akibat pandemik COVID-19.

Bagi seorang lagi pengusaha hotel kucing di Merlimau, Rosazrie Alias, 49, berkata, permintaan terhadap hotel kucing kali ini amat menggalakkan malah, dia mula menerima tempahan sebelum tiba-banya Ramadan.

"Tempahan memang banyak tetapi kami hanya menerima kira-kira 45 ekor sahaja, itu pun sudah termasuk sangkar tambahan.

Kalau ikutkan sangkar yang kami ada hanya untuk 30 ekor sahaja.

"Paling lama untuk raya ini, ada pemilik yang tempah untuk dua minggu dan kucing-kucing ini mula sudah mula 'check in' sejak Jumaat dan hanya akan diambil selepas pemilik mereka kembali ke Melaka," katanya.

Dia yang sudah terbabit dengan perkhidmatan ini sejak lebih lima tahun lalu berkata, selain tempahan hotel kucing yang mendapat sambutan, dia juga mendapat permintaan agak tinggi untuk mendandan dan menghias kucing pada hari raya kali ini.

Penangan 'raya 10k', mekanik tak menang tangan

KRUBONG - Mekanik di bengkel kereta sekitar negeri ini tidak menang tangan apabila pelanggan mula berpusu-pusu menghantar kenderaan untuk pulang berhari raya.

Pemilik Bengkel Baroqah, Muhammad Asyraf A. Rahim, 31, berkata bengkelnya mula sibuk pada minggu kedua Ramadan apabila rata-rata pelanggan menghantar kenderaan untuk diselenggara bagi memastikan perjalanan pulang lancar untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Katanya, dia yang bekerja sendiri itu menerima tempahan luar biasa apabila ramai yang menghantar untuk membuat servis keseluruhan (major servis).

"Tahun 2022 punya 'penangan' lain macam, saya patut dah tutup bengkel beberapa hari sebelum raya, tapi sebab banyak kenderaan perlu disiapkan jadi saya terpaksa panjangkan tempoh masa kedai dibuka.

"Nak dibandingkan jumlah kenderaan agak berganda juga, memang tidak menang tangan untuk uruskan semuanya sendiri,

syukur ada seorang pekerja separuh masa yang boleh membantu.

"Dan kebanyakan pelanggan yang datang kali ini mereka memberitahu mereka menggunakan duit pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk servis kereta dan sambutan raya kali ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Berkongsi cerita Muhammad Asyraf berkata, dia terpaksa keluar awal pagi pada setiap hari untuk membuka bengkelnya bagi menyiapkan kenderaan-kenderaan pelanggan pada saat-saat akhir sebelum pulang berhari raya di Sabah.

"Ada pelanggan yang kereta mereka tak pernah servis, itu memang makan masa untuk disiapkan, jadi saya terpaksa untuk datang bengkel awal pagi menyiapkan kenderaan-kenderaan pelanggan.

"Saya bersyukur tahun ini lebih baik dari tahun sebelum, ketika itu memang fasa getir ekonomi, bengkel saya ini hampir gulung tikar masa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu," ujarnya.



MUHAMMAD Asyraf ketika menyiapkan kenderaan yang dihantar ke bengkelnya saat-saat akhir.

Peniaga lemang tak tidur siapkan tempahan

Fiqa Jamal

BUKIT RAMBAI - Kalam-kabut, itulah situasi seorang peniaga lemang di Taman Bukit Rambai yang terpaksa berhempas-pulas menyiapkan tempahan pelanggan selepas Hari Raya Aidilfitri diumumkan sehari lebih awal daripada jangkaan.

Peniaga lemang, Abdul Majid

Musa, 60, berkata ratusan batang lemang terpaksa dibakar malam tadi ekoran ramai pelanggan yang sudah membayar untuk juadah wajib hari raya itu.

"Sejurus selepas diumumkan esok (hari ini) raya, saya jadi tidak keruan, kalam kabut semuanya sebab tidak membakar lemang lagi.

"Tapi nasib baik semua keleng-

kapan seperti santan mencukupi, kerana rata-rata pelanggan yang membuat tempahan akan mengambil pada petang raya yang sepatutnya pada 2 Mei.

"Jadi mahu atau tidak memang kena bakar juga atas permintaan pelanggan, ramai juga pelanggan hantar pesanan untuk awalkan ambil lemang, malam ini (1 Mei) juga," katanya yang meniaga lemang di hadapan rumah.

Dia yang saban tahun menjual lemang mempunyai pelanggan tetap dan tidak mahu menghampakan permintaan mereka.

Sementara itu, lain pula kisah bagi seorang peniaga santan di Pasar Borong Melaka yang berdepan keruan sehingga RM10,000 apabila tarikh Aidilfitri diumumkan sehari lebih awal.

Pengusaha Santan Segar Anakku Berkat, Fazilah Mohamad Salleh berkata akibat pengumuman mengejut itu, ramai pelanggan membatalkan tempahan pada saat akhir.

"Bila berlaku keadaan seperti ini memang saya berdepan dengan kerugian kerana banyak tempahan diterima terpaksa dibatalkan.

"Saya banyak terima tempahan daripada peniaga jadi apabila sudah raya mereka tidak berniaga, ada peniaga ambil 40 kilogram (kg) hingga 60 kg untuk meniaga lemang dan dodol," katanya.



PENIAGA lemang terpaksa berjaga hingga ke pagi bagi menyiapkan tempahan lemang selepas Aidilfitri diumumkan sehari lebih awal.



Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir & Batin

1443H / 2022M

Setulus Ikhlas Daripada



PERTAM

**PENGERUSI, TIMBALAN PENERUSI, LEMBAGA PENGARAH,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN WARGA KERJA
PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA**

Sasar 62,000 pelancong Indonesia ke Melaka naik feri

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA

- Seramai 62,000 pelancong Indonesia disasarkan akan memasuki Melaka menggunakan perkhidmatan feri di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Kota Laksamana.

EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, perkhidmatan feri yang dihentikan selama dua tahun akibat pandemik COVID-19 akan beroperasi semula seperti biasa yang membabitkan tiga perjalanan masuk ke Melaka setiap minggu.

"Namun kita sasarkan untuk tingkatkan lagi kemasukan ini kepada tujuh trip dalam seminggu dengan kapasiti seramai 280 penumpang untuk sebuah feri.

"Setakat ini, feri ini beroperasi pada Rabu, Jumaat dan Ahad untuk kemasukan dari Dumai ke Melaka, manakala Selasa, Khamis dan Sabtu adalah trip ke negara itu.

"Kita akan sasarkan untuk tingkatkan perjalanan



MUHAMMAD Jailani menyambut ketibaan pelancong dari Indonesia di Kompleks ICQS Kota Laksamana. Foto Iqmal Haqim Rosman

ini dalam masa terdekat kepada setiap hari dan bukannya berkala," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyambut ketibaan feri pertama dari Dumai di ICQS, di sini, 5 Mei lalu.

Dalam ketibaan pertama dalam tempoh dua

tahun itu, feri jenis Indomal Kingdom bersama sembilan anak kapal yang membawa seramai 175 penumpang selamat berlabuh di jeti ICQS pada jam 12.20 tengah hari.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani berkata, rata-rata pelancong dari ne-

gara jiran yang tiba ke Melaka menaiki feri berkenaan adalah bertujuan untuk mendapatkan rawatan di beberapa pusat perubatan swasta di negeri ini.

"Ini merupakan sasaran kita dalam meningkatkan perkhidmatan pelancongan dalam subsektor kesihatan

di Melaka, bagi saya ini satu permulaan yang baik buat negeri Melaka.

"Kita juga telah berbincang dengan beberapa syarikat untuk menyediakan penerbangan sewa khas antara Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) dan Lapangan Terbang

Sultan Syarif Kasim II, Pekanbaru, Indonesia.

"Malah kita juga telah berbincang dengan Indonesia mengenai kerjasama membekalkan pelatih industri untuk mengatasi masalah tenaga kerja di pusat perubatan negeri ini," katanya lagi.

Feri Dumai-Melaka leraikan rindu ibu, anak

BANDARAYA MELAKA

- Sejak awal pagi Masrika Sukeme, 44, gelisah dan tidak sabar menunggu ketibaan feri dari Dumai yang dijangka tiba di jeti Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Laksamana.

Manakan tidak, feri berkenaan membawa penumpang istimewa bagi wanita ini iaitu anak sulungnya, Syafiq Aditya Ababil, 22, selepas tidak bersua hampir tiga tahun sejak 2019.

Masrika yang ceria dapat menatap semula wajah anak terunanya itu berkata, meskipun dibesarkan dan bersekolah hingga tingkatan lima di Malaysia, Syafiq kerap pulang ke Indonesia untuk berjumpa neneknya.

Katanya, penutupan pintu sempadan antarabangsa akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan Syafiq tidak dapat pulang ke Malaysia dan terpaksa tinggal bersama neneknya di



MASRIKA bersama anaknya, (dari kanan) Fazly Reza Ababil, 17, Syafiq Aditya Ababil, 22 dan Raffa Rizky Ababil, 12 di Kompleks ICQS Kota Laksamana. Foto Iqmal Haqim Rosman

Indonesia.

Dia yang menetap di Kampung Melayu Subang, Selangor sanggup datang bersama suami, Syatno Harun, 54 dan dua lagi

anaknya sejak seawal pagi tadi ke negeri ini selepas mendapat tahu feri yang membawa anaknya akan berlabuh di Melaka.

"Kami sangat teruja, saya dan

suami bersama-sama dua lagi anak kami bertolak seawal pukul 6 pagi dari Selangor untuk ke sini, menjemput anak sulung yang dari Dumai.

"Sepanjang pintu sempadan ditutup kami hanya berhubung menggunakan menerusi WhatsApp dan apabila dapat tahu feri sudah boleh beroperasi kami terus membeli tiket untuk anak," katanya ketika ditemui pemberita di Balai Ketibaan ICQS, di sini, 5 Mei lalu.

Sementara itu suasana lenggang di ICQS yang tidak beroperasi hampir dua tahun kembali meriah selepas ketibaan feri Indomal Kingdom membawa seramai 175 penumpang.

Penumpang feri dalam kalangan warganegara Indonesia yang ditemui datang ke Melaka untuk berjumpa saudara-mara yang sudah lama terpisah selain mendapatkan rawatan di beberapa pusat perubatan di negeri ini.

Bagi Edi Wirianto, 66, pusat perubatan di negeri ini menjadi pilihannya kerana perkhidmatan disediakan amat memuaskan hati.

"Saya mula menjalani rawatan susulan di pusat perubatan di negeri ini sejak 1998 lagi kerana masalah urat. Akibat penutupan sempadan saya terpaksa tangguhkan rawatan.

"Jadi bila dibuka semula saya cukup gembira kerana dapat menyambung semula rutin berkenaan," katanya.

Terdahulu, feri pertama yang tiba di ICQS selamat berlabuh di Melaka yang mana pelancong-pelancong yang tiba disambut EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis serta Pengurus Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka, Saari Basiron.

Ketibaan delegasi dari negara republik itu juga turut dihadiri, Gabenor Riau, H Syamsuar.

<p>MELAKA HARI INI NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316</p> <p>KETUA KANDUNGAN MOHD SALMAN HAMAT salmanhamat@melakaharini.my</p> <p>PENGARANG MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul@melakaharini.my</p> <p>PENGARANG DIGITAL FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharini.my</p> <p>JURUFOTO KANAN AZREN JAMALUDIN m.azren86@gmail.com</p> <p>JURUFOTO IQMAL HAQIM ROSMAN iqmalhaqimrosman@gmail.com</p>	<p>WARTAWAN</p> <p>MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan@melakaharini.my</p> <p>LIANA SAHABUDIN lilyann90@melakaharini.my</p> <p>FIQA JAMAL norafiqahjamil93@gmail.com</p> <p>SITI SALEHAH AL-QADRAWI sitisalehah@melakaharini.my</p>	<p>REKABENTUK & GRAFIK</p> <p>AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharini.my</p> <p>MIMIE AZURA ABU BAKAR mimieazura1981@melakaharini.my</p>	<p>IT SUPPORT</p> <p>PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR abduljaliljamar@gmail.com</p>	<p>PEMASARAN</p> <p>PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI amz@melakaharini.my 015 - 329 9936</p> <p>MARKETING & ADVERTISING EXECUTIVE SARAH AIDA ABD HADI sarahaida@melakaharini.my</p>	<p>UNIT MEDIA SOSIAL</p> <p>EKSEKUTIF IZAIDA RAIHANAH IDRIS izairahanah363@gmail.com</p> <p>SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah@melakaharini.my</p>	<p>MELAKA TV</p> <p>KETUA UNIT MELAKA TV SONNY IKMAL AHMAD KAMIL sonnyikmal@melakaharini.my</p> <p>WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAIKAL farishalkalzakaria@melakaharini.my</p> <p>JURUVIDEO & PENYUNTING VIDEO AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufaizzati98@melakaharini.my</p>	<p>JURUVIDEO MOHD ZAIDI YAACOB dirzack35@gmail.com</p> <p>PUTRA DANIAL RIZAIDI putradania182@gmail.com</p> <p>PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharini.my</p> <p>HASBULLAH BIN AZHAR burneskobar@gmail.com</p>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Tram, pembesaran LTAM antara perancangan di Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BUKIT BERUANG - Beberapa projek pembangunan infrastruktur pengangkutan di Melaka bakal dipercepatkan termasuklah pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM), kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Wee berkata, perkara itu antara yang dibincangkan ketika beliau menghadap Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di Istana Melaka, 2 Mei lalu.

Jelasnya, pembesaran LTAM sangat penting dalam memacu sektor pelancongan kesihatan yang sedang pesat membangun di Melaka para ketika ini.

Selain itu, katanya, per-

bincangan itu juga turut membincangkan mengenai cadangan perkhidmatan tram di Bandaraya Melaka yang sedang dirancang Kerajaan Negeri Melaka.

"Saya menghadap Tuan Yang Terutama Tun Sri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka di Istana Melaka.

"Antara perkara yang dibincangkan termasuklah mengenai pembangunan pesat di dalam sektor pelancongan kesihatan (health tourism) Melaka yang mendorong projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) Batu Berendam perlu dipercepatkan.

"(Selain itu) pembangunan pembesaran Pelabuhan Tanjung Bruas; cadangan perkhidmatan tram di Bandaraya Melaka yang sedang



WEE (kiri) bersama Tun Mohd Ali dalam perjumpaan di Istana Melaka. (Kredit foto: Facebook Wee Ka Siong)

dirancang oleh Kerajaan Negeri; pembangunan Marina Melaka serta pembangunan maritim dan sektor pelabu-

han di Melaka secara amnya (juga antara yang dibincangkan)," katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya.

Menurut Wee, dalam perjumpaan itu juga, Tun Mohd Ali turut menyarankan agar Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ber-

sama agensi penguatkuasaan lain untuk memantau aktiviti pengubahsuaian basikal lajak dan motosikal secara berleluasa di bengkel-bengkel.

Dengan cara itu, ia dapat mengawal dan membendung aktiviti lumba haram dan basikal lajak yang membahayakan penggunaan serta

nyawa orang ramai khususnya generasi muda.

"TYT Tun yang pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan 24 tahun yang lalu, sentiasa komited tentang pencegahan dan pendidikan yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya," katanya.

Zakat Melaka sasar pungutan RM108 juta

Fiqa Jamal

SERI NEGERI - Sasaran jumlah kutipan zakat sebanyak RM108 juta bagi tahun ini dijangka mampu dicapai kata Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka Datuk Ibrahim Fadzil.

Ibrahim berkata, keyakinan itu adalah berdasarkan kepada peningkatan sebanyak 33.14 peratus atau RM38,716,592.28 berbanding RM29,078,976.06 bagi tempoh sama tahun lalu.

"Jumlah pembayar juga meningkat iaitu seramai 41,265 orang berbanding 40,474 orang tahun lalu, dengan bayaran tertinggi membabitkan zakat pendapatan.

"Zakat pendapatan ini kebanyakannya daripada potongan gaji pegawai kerajaan dan swasta. Zakat perniagaan pula mencatatkan kutipan yang tinggi melebihi 300 peratus disebabkan ada entiti pernia-

gaan yang membayar awal," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh agensi korporat di Dewan Seri Utama, Pejabat Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, di Seri Negeri, Ayer Keroh, 27 April lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari dan lain-lain kenamaan.

Terdahulu Tun Mohd Ali menerima serahan zakat membabitkan 14 agensi dan syarikat korporat keseluruhan berjumlah RM5,603,630.28

Mengikut rekod, zakat pendapatan menunjukkan jumlah kutipan tertinggi iaitu RM20,432,431.67 atau 52.77 peratus.

Manakala kutipan zakat paling rendah adalah zakat ternakan dengan jumlah kutipan sebanyak RM29,595.50 iaitu 0.08 peratus.



TUN Mohd Ali (tengah) menerima serahan zakat perniagaan daripada Takaful Malaysia Keluarga Berhad yang disampaikan oleh Pengerusi Badan Penasihat Syariah, Prof Dr Muhammad Rohimi Osman.



IKLAN JAWATAN KOSONG

Eksekutif Pentadbiran, EX-1
Penjaga Jentera Elektrik Kanan, NE9
Juruteknik, NE6-1
Pembaca Meter, NE3-1

Syarat Lantikan :

Sila layari laman web rasmi www.samb.com.my

Syarat Tambahan :

1. Keutamaan anak Melaka atau pasangan Melaka atau menetap di Melaka.
2. Tiada hubungan kekeluargaan (pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik) yang bekerja di SAMB.

Cara Memohon :

Sila layari laman web rasmi Syarikat Air Melaka Berhad www.samb.com.my



Senarai Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Sesi Mac 2020 - Oktober 2022

- | | |
|--------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| 1. Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali - Pengerusi MAIM | 9. Datuk Md Azhan Samat - Ahli Majlis |
| 2. Datuk Wira Md Rawi Mahmud - Timbalan Pengerusi MAIM | 10. Datuk Munir Md Salleh - Ahli Majlis |
| 3. Datuk Zaidi Johari - Ahli Majlis | 11. Prof Datuk Dr Mizan Hitam - Ahli Majlis |
| 4. Datuk Wira Abdul Halim Tawil - Ahli Majlis | 12. Tan Sri Profesor Datuk Wira Dr Abdul Latif Abu Bakar - Ahli Majlis |
| 5. Datuk Abdul Aziz Engan - Ahli Majlis | 13. Dr Mohamad Nazli Omar - Ahli Majlis |
| 6. Datuk Salhah Salleh - Ahli Majlis | 14. Datuk Moh Yusof Osman - Ahli Majlis |
| 7. Datuk Zainol Samah - Ahli Majlis | 15. Muhamad Ikram Ibrahim - Setiausaha MAIM |
| 8. Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee - Ahli Majlis | |

Rakyat jadi 'hakim' nilai prestasi 100 hari

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Prestasi kerajaan negeri dalam mengotakan 58 inisiatif dalam tempoh 100 hari pentadbiran selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka Nov tahun lalu bergantung kepada penilaian rakyat untuk menghakimi kredibiliti itu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, a perspektif 100 hari kerajaan negeri men-tadbir hakikatnya bukan diminta oleh rakyat, sebaliknya kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mengemukakan tawaran aku janji itu.

Katanya, BN yang menetapkan tempoh berkenaan dengan tujuan untuk meyakinkan rakyat bahawa pentadbiran parti itu serius dan berusaha melaksanakan semua manifesto.

"Atas kesedaran itu, pentadbiran 100 hari ini sangat penting untuk diketahui oleh rakyat bagi menggambarkan sejauh mana komitmen kerajaan yang dipilih bagi mengotakan janji-janji seperti terkandung dalam manifesto pilihan raya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Pengarah Jabatan



SULAIMAN (tengah) pada Majlis Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Dan Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi 2 di Auditorium Seri Negeri. Foto Iqmal Haqim Rosman

Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Razali Che Mat dalam wawancara di pejabatnya di Kompleks Seri Negeri yang disiarkan di majalah Dewan Masyarakat keluaran April 2022.

Sehubungan itu, Sulaiman berkata kerajaan mesti komited untuk mengotakan semua janji bukan sahaja dalam tempoh 100 hari, malah bagi tempoh

satu tahun, tiga tahun dan lima tahun akan datang.

"Dalam soal ini, sama ada tempoh 100 hari itu cukup atau tidak untuk rakyat menilai prestasi semasa kerajaan. Terpulanglah kepada rakyat untuk menghakiminya.

"Paling utama, adakah janji yang telah diberikan kepada rakyat untuk ditunaikan dan dilaksanakan

dalam tempoh 100 hari, kita melakukannya?"

"Alhamdulillah, sebanyak 58 inisiatif yang diusahakan dalam tempoh 100 hari pentadbiran kerajaan ini, kita berjaya mencapai hampir 100 peratus. Selepas ini, fokus utama kerajaan adalah untuk melihat inisiatif yang dijanjikan dalam tempoh satu tahun pula," katanya.

Sudah-sudahlah berpolitik! Rakyat Melaka mahukan 'Kestabilan Demi Kemakmuran'

BAHARU sahaja melepasi 100 hari pemerintahannya Ramadan lalu, Kerajaan Negeri Melaka digegarkan lagi dengan isu 'Ketua Menteri sementara'. Isu ini adalah isu lapuk yang diputarakan kembali dengan tujuan tertentu.

Apatujuannya, kita tidak pasti! Sedikit sebanyak tentunya kerajaan negeri Melaka yang ada sekarang akan membuang masa menjawab isu ini. Tumpuan pemimpin utama negeri akan sedikit tersasar dengan isu ini.

Akhirnya, yang akan terkesan adalah rakyat Melaka. Um-pama 'Rumah siap, pahat berbunyi', ia tentunya merisaukan rakyat bawahan. Baru sahaja mahu bangkit dari 'kesusahannya' semasa pandemik, dihidangkan pula dengan isu ini.

Isu 'Ketua Menteri sementara' adalah isu yang dimainkan pembangkang pasca Mac 2020. Setelah kehilangan kuasa akibat ahli sendiri yang berpaling tadah, mereka menghalakan tumpuan kepada pemimpin negeri.

Ini dilakukan dengan tujuan mengikis keyakinan rakyat terhadap kerajaan negeri Melaka ketika itu. Malang bagi mereka yang mengharapkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali tidak diyakini. Begitu juga UMNO yang kembali bangkit di bawah pimpinan Datuk Seri Rauf.

Keadaan sebaliknya terjadi. Kerajaan Negeri dan UMNO BN bangkit serta menyantuni rakyat Melaka. Rakyat bersama pemimpin bersatu hati dan berpadu tenaga bekerja demi kemajuan negeri Melaka.

Hasilnya dapat dilihat apabila kerajaan negeri memberikan banyak insentif kepada rakyat. Inisiatif seperti pengurangan cukai, pengecualian lesen perniagaan dan pelbagai lagi dibuat ketika rakyat berhadapan kesukaran ketika pandemik covid 19.

UMNO sebagai tunjang kepada kerajaan negeri pada tahun 2020 dan 2021 juga banyak membantu kerajaan negeri. Mengurangkan 'politik' serta memudahkan urusan kerajaan negeri membuktikan UMNO berjiwa besar demi rakyat Melaka.

Ketika rakyat mula menikmati keamanan, muncul pengkhianatan yang menyebabkan kerajaan negeri tumbang. Sekali lagi rakyat dihidangkan dengan drama politik yang penuh muslihat serta memualkan.

Pilihan terbaik ketika itu adalah mencari kerajaan negeri yang stabil serta mampu menguruskan negeri dengan baik. Maka itu, mandat dipulangkan kembali kepada rakyat untuk memilih kerajaan baharu yang stabil serta diyakini.

Hasilnya, kerajaan baharu negeri Melaka ditubuhkan dengan mandat yang lebih besar. Tentunya dengan mandat yang besar, kerajaan ini mampu membawa kestabilan dan kemakmuran seperti yang dijanjikan.

Rakyat gembira kerana pilihan yang dibuat boleh dikatakan tepat! Tiada lagi lompat-melompat parti, tiada lagi 'pesta lelongan' wakil rakyat dan pelbagai lagi yang boleh membawa kepada ketidakstabilan politik.

Namun langit yang diharap panas hingga ke petang, telah mula mendung di tengahari. Drama sama sebelum PRU dan PRN muncul kembali, cuma kali ini dengan plot yang berbeza. Ia tetap menggegarkan kerajaan negeri biarpun tidak kuat.

Bagi rakyat kebanyakan, sudah-sudahlah berpolitik! Tumpuan kini harus kepada semangat kerja untuk memajukan Melaka. Pemimpin politik dan kerajaan di peringkat negeri perlu merangka strategi meningkatkan ekonomi dan memakmurkan rakyat.

Kini bukannya masa untuk berpolitik. Rakyat sudah muak dengan mainan politik yang keterlaluan. Memetik kata Ketua Perhubungan UMNO negeri, Melaka seharusnya menjadi contoh 'politik stabil' kepada pihak-pihak lain.

Tambahan pula, kemungkinan besar negara bakal menghadapi PRU ke 15 dalam masa terdekat. Tumpuan seharusnya dibulatkan kepada matlamat ini. Bukannya berbalah sesama sendiri dalam isu yang boleh dimanipulasi lawan.

Jangan sampai mandat besar yang diperolehi pada PRN lalu menjadi kayu ukur kehampaan rakyat yang berharap. Rakyat semakin bijak menilai. Jangan biar rakyat meluat dan bertindak balas sehingga menukar sokongan lagi.

Sempena semangat Syawal ini, mari kita sama-sama rapatkan saf, menggembeleng tenaga bersama demi Melaka yang tercinta. Berperananlah mengikut apa yang telah diamanahkan kepada kita.

Sudah-sudahlah berpolitik! Ingati kembali segala janji yang dibuat semasa PRN lalu iaitu "Kestabilan Demi Kemakmuran". Pelaksanaan ini yang dituntut rakyat dari para pemimpin, bukan hanya janji kosong semata-mata.

Kita mampu melakukannya...

****Anuar Shaari ialah Ketua Pegawai Operasi Melaka Hari Ini**



N02 - TANJUNG BIDARA

FOKUS DUN

1,000 keluarga B40 terima kit makanan pandu lalu

Faiz Hasan

TANJUNG BIDARA - Seramai 1,000 keluarga dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara menerima agihan bantuan kit makanan secara pandu lalu, 30 April lalu.

Program Kit Raya Nutrisi Sejahtera diadakan di Kompleks JAPERUN Tanjung Bidara telah disempurnakan ADUN Tanjung Bidara, Datuk Seri AB Rauf Yusoh.

Rata-rata penduduk yang hadir menyambut baik sumbangan berkenaan sekali gus membantu mereka dalam menghadapi persediaan Syawal tahun ini.

Dalam program berkenaan, kesemua penerima merupakan golongan B40 membabitkan 14 perkampungan yang terdapat di kawasan itu.

Ia membabitkan 700 keluarga dari kawasan kampung dan 300 keluarga membabitkan kawasan taman perumahan di DUN Tanjung Bidara.



AB Rauf memberikan sumbangan kit makanan kepada keluarga B40 di DUN Tanjung Bidara secara pandu lalu

N01 - KUALA LINGGI

Aidilfitri paling bermakna

Din Ahmad

KUALA LINGGI - Empat sekeluarga yang dihipit kemiskinan tersenyum riang menerima hadiah Aidilfitri apabila melangkah masuk ke dalam Rumah Prihatin sumbangan kerajaan negeri.

Satu Syawal tahun ini ternyata amat mencerikan Iskandar Wong Abdullah, 46, dan Mary Ahmad, 43, serta dua anak berusia 12 dan 14 tahun selepas menerima kunci rumah berkenaan hari ini.

Rumah baharu itu dilengkapi dua bilik, dapur dan ruang tamu yang dibina kerajaan negeri dengan jumlah kos keseluruhan kos RM30,000.

Iskandar berkata, sejak diserang penyakit saraf yang menyebabkan tangan kanannya sukar digerakkan beberapa bulan lalu, dia tidak mampu bekerja bagi menampung perbelanjaan keluarga.

"Puas sudah saya berubat dengan perubatan moden dan tradisional, namun masih belum adatanda

penyakit saya akan pulih.

"Kami terpaksa bergantung kepada bantuan bulanan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya selepas menerima kunci rumah daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Alor Gajah di Kampung Baru, Kuala Sungai Baru, dekat sini.

Replika kunci Rumah Prihatin disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi Rosli Abdullah. Hadir sama, Pegawai Daerah Alor Gajah, Saiful Hazwa Kifli dan Jurutera Daerah (JD) Alor Gajah, Ir Mohd Haidir Haron.

Sementara itu, Mary berkata, sejak diserang penyakit jantung beberapa tahun lalu, dia tidak mampu membuat kerja berat, apatah lagi mencari rezeki untuk membantu suami.

Namun, dia bersyukur tapak tanah milik arwah nenek diberikan kepadanya untuk mendapatkan Rumah Prihatin daripada kerajaan negeri.



ISKANDAR dan Mary bersama dua anak bersyukur menerima Rumah Prihatin bernilai RM30,000 daripada kerajaan negeri di Kampung Baru, Kuala Sungai Baru.

N03 - AYER LIMAU

Ban atasi banjir selamatkan 10,000 penduduk Lubok China

LUBOK CHINA - Pembinaan Ban dengan peruntukan RM500,000 di sungai berdekatan Taman Wira Indah telah disiapkan April lalu sekali gus mampu mengatasi isu banjir yang berlaku di Lubok China.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, ban sedia ada sebelum ini pecah telah menjadi antara punca banjir besar berlaku pada Disember lalu meneggelamkan kediaman penduduk.

Jelasnya, ban yang siap

dibina telah membawa perubahan ketara kepada kawasan berkenaan setelah ia disiapkan pada April lalu.

"Kita lihat ada perubahan ketara kerana bila hujan lebat dan air naik pada paras yang sama seperti sebelum ini tapi ia sudah tidak banjir lagi.

"Pembinaan ini telah menyelamatkan kira-kira lima buah perkampungan sekitar dengan kiraan hampir 10,000 penduduk di sekitar Lubok China," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Tambahnya, isu banjir

merupakan perkara utama baginya untuk diselesaikan dan bersiap siaga dalam sebarang kemungkinan dihadapi di kawasan berkenaan.

Katanya, pembinaan yang melegakan penduduk itu akan diteruskan lagi ke kawasan Sungai Spout selepas ini.

"Kita akan membina pula lagi satu ban di Sungai Spout dalam masa terdekat ini di mana setakat ini kita masih dalam proses penawaran sebut harga sedang dilaksanakan menerusi kelolaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka," katanya.



BAN yang menelan peruntukan lebih RM500,000 telah siap dibina di sebatang sungai berdekatan Taman Wira Indah mampu mengatasi isu banjir yang berlaku di Lubok China.

N04 - LENDU



MR Bozo membentuk objek mainan daripada belon untuk yang mencaerikan kanak-kanak.

Mr Bozo tawan hati kanak-kanak



Din Ahmad

LENDU - 'Mr Bozo,' badut yang menghiburkan kanak-kanak dengan pembuatan objek mainan daripada belon tidak memerlukan terlalu lama untuk menawan hati mereka.

Hanya dalam tempoh kurang 60 saat, Mr Bozo sudah berjaya menyiapkan pelbagai bentuk objek untuk mencaerikan kanak-kanak.

Dengan kepakaran dan kepatutan gerak tangannya memintal dan mengikat belon sebelum membentuk pelbagai rupa, Mr Bozo atau nama sebenarnya Norhaslin Nordin, 43, ternyata mampu memukau

kanak-kanak dan ibu bapa mereka.

Jika sebelum ini, tangan Mr Bozo lebih banyak menghasilkan pelbagai jenis masakan di dapur hotel di Port Dickson, Negeri Sembilan, kini tangan itu menghasilkan objek daripada belon seperti pistol, kuda, gajah, arnab dan seumpamanya.

"Sudah 10 tahun saya menjadi badut sepenuh masa selepas menda-lami bidang pembuatan mainan daripada belon daripada rakan.

"Alhamdulillah, dengan rezeki itulah saya membesarkan enam anak berusia antara tiga hingga 19 tahun, selain dibantu dengan rezeki tamba-

han isteri berniaga pisang goreng," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dia berkata, dengan mengenakan caj munasabah bagi setiap jam perkhidmatannya pada majlis seperti sambutan hari jadi, majlis perkahwinan dan pelbagai majlis keramaian lain, dia menerima undangan di Kuala Lumpur, selain di negeri ini.

Dia turut bersyukur fasa peralihan endemik sekarang membuka pintu rezeki untuknya apabila perkhidmatannya mendapat permintaan cukup menggalakkan untuk majlis perkahwinan dan sambutan hari jadi.

N05 - TABOH NANING

Gadis tak kekok beraya dengan lembu, kambing

TABOH NANING - Pada ketika gadis lain sibuk menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri, Norhanisah Norsham, 22, sibuk dengan tugas rutin memelihara kambing, lembu dan kerbau di kandang bapanya.

Baginya, tiada istilah cuti lama untuk meraikan Aidilfitri, sebaliknya segala tenaga harus dicurahkan untuk memastikan lembu, kerbau dan kambing ditanam bapanya, Norsham Mat Jan, 52, sentiasa mendapat makanan yang cukup dan sihat.

Norhanisah berkata, beliau sudah sehati dengan kehidupan sebagai penternak haiwan sejak kecil.

"Sejak kecil saya mengikut ayah menyabit rumput napier, menabur palet (makanan) untuk lembu, kerbau dan kambing, membasuh kandang dan memandikan lembu dan kerbau.

"Saya juga dibesarkan dalam suasana sentiasa menghidu bau hamis lembu, kerbau

dan kambing, selain sudah biasa dengan pahit maung memelihara haiwan itu," katanya di kandang itu di Kampung Rantau Panjang, di sini, 7 Mei lalu.

Saban hari, anak kedua daripada lima adik-beradik itu dan beberapa pembantu bapanya memberi makan kira-kira 700 lembu, 300 ekor kerbau dan 150 kambing, termasuk biri-biri.

Selain itu, dia juga banyak belajar daripada bapanya mengenai jenis makanan tambahan untuk haiwan ruminan, selain rumput napier dan daun kelapa sawit.

Malah, dia juga mampu mengenali haiwan sakit, bunting, hampir beranak dan seumpamanya.

Katanya, dia turut mempelajari kaedah merawat kambing yang cedera dengan menyembur ubat dan mengasingkannya dalam kandang khas bagi mengelakkan penyakit berjangkit kepada kambing lain.



NORHANISAH memandikan lembu di kandangnya di Kampung Rantau Panjang.

N10 - ASAHAN



FAIRUL Nizam bersama Pengarah JBPM Melaka ketika mengadakan lawatan 'Fire Post' di Asahan.

Asahan perlukan balai bomba

Liana Sahabudin

ASAHAN - Cadangan pembinaan balai Bomba baharu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Asahan mampu memendekkan lagi tempoh bertindak kes kecemasan yang dikendalikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan berkata, setakat ini cadangan itu berada di peringkat 'Rolling Plan' Ketiga Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Kita sedang menunggu keputusan pihak Kementerian, kerajaan negeri menyenaraikan projek ini salah satu keutamaan untuk dilaksanakan.

"Cadangan tapak setakat ini adalah di Selandar, Asahan dan Nyalas. Bagi Asahan dan Selandar kita sudah kenal pasti tapak, pembinaan balai bomba baharu ini memerlukan tanah seluas dua ekar (0.8 hektar)," katanya.

Fairul Nizam berkata, hasil perbincangan

bersama JBPM Melaka kedua-dua pihak bersetuju membina 'fire post' sementara pembinaan balai bomba dalam perancangan siap sepenuhnya.

"Kalau ada balai bomba baharu nanti masa bertindak lebih cepat. Sebelum ini masa bertindak dari Jasin ke Asahan seterusnya ke Pekan Selandar ambil masa 30 minit baru sampai," katanya.

Terdahulu Fairul Nizam mengadakan lawatan ketapak 'fire post' bersama Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka. Pertemuan itu bagi membincangkan berkenaan pembinaan balai bomba di beberapa lokasi cadangan dalam DUN Asahan 19 April lalu.

Katanya dengan pembinaan balai bomba baharu itu tempoh bertindak pihak bomba dapat dipercepatkan 15 hingga 20 minit sahaja.

"Sekarang ini bantuan balai bomba terdekat adalah dari Gemencheh, kejadian di Melaka tapi laporan disediakan oleh balai bomba luar negeri kita," katanya.

N13 - PAYA RUMPUT

SMK Krubong akan beroperasi Jun depan



Fiqa Jamal

PAYA RUMPUT - Bagi menampung kepadatan pelajar dan kekurangan bilik darjah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumpit, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Krubong akan dibuka secara rasmi pada hujung Jun depan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumpit Datuk Rais Yasin berkata, sekolah baharu itu dibina dengan kos berjumlah RM24 juta yang mampu menampung lebih 800 pelajar di kawasan berkenaan.

"Kita jangkakan akan membuka sekolah baharu iaitu SMK Krubong pada hujung bulan Jun nanti. Saringan pemilihan guru dan pelajar telah dilakukan.

"Kerajaan negeri sangat prihatin tentang isu pembangunan sekolah dan kita akan melihat keperluan dari semasa ke semasa, dalam memastikan anak-anak di negeri ini mendapat pendidikan yang sewajarnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) di kediamannya, di sini, 7 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Rais yang juga EXCO Pendidikan negeri berkata, kerajaan negeri juga bakal menyelesaikan isu kekurangan sekolah di kawasan lain di negeri ini bagi memastikan pelajar dapat menikmati proses pembelajaran lebih selesa.

Katanya, antara kawasan yang dikenal pasti memerlukan sekolah baharu ialah di DUN Durian Tunggal yang kini hanya memiliki satu sekolah menengah.

"Di Durian Tunggal kita telah ambil maklum kerana isu kekurangan sekolah menengah itu telah dibawa di Sidang DUN tempoh hari.

"Cumanya, ada beberapa masalah dari segi pengambilan tanah, apapun kita akan selesaikan untuk memastikan sekolah baharu dapat dibina di kawasan itu," katanya.

RAIS menyantuni pengunjung pada Rumah Terbuka DUN Paya Rumpit, 7 Mei lalu.

N21 - DUYONG

Dua mangsa kebakaran bakal terima Rumah Prihatin

Siti Salehah

DUYONG - Dua mangsa yang kehilangan tempat berteduh dalam kebakaran di Semabok 7 Mei lalu akan mendapat kediaman baharu menerusi bantuan Rumah Prihatin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata, pihaknya akan membantu kedua-dua mangsa dalam kadar segera.

"Kita akan usaha untuk masukkan permohonan ganti balik rumah ini dalam Rumah Prihatin. Buat sementara waktu kita tawarkan mereka tinggal di rumah transit.

"Namun saya difahamkan mereka memilih untuk tinggal di rumah waris terdekat," katanya ketika ditemui pada penyampaian sumbangan kepada mangsa bersama Presiden Majlis Datuk-

Negeri Melaka (MDDNM) Datuk Wira Jahaya Mat dan Naib Presiden Datuk Wira Dr Ir Ahmad Zaini Mohd Amin.

Sementara itu, Jahaya berkata, MDDNM sentiasa komited dalam menjalankan pelbagai program kebajikan khusus bagi membantu mereka yang terjejas akibat bencana.

"Kita di MDDNM memang ada peruntukan untuk membantu mangsa bencana seperti banjir mahupun kebakaran sebagai usaha meringankan beban mangsa," katanya.

Menurutnya, MDDNM aktif dalam aktiviti kemasyarakatan sejak tujuh tahun lalu termasuk menghantar bantuan ke Kemboja dan Indonesia.

Terdahulu, pada kunjungan itu mangsa menerima wang tunai dan peralatan rumah sumbangan MDDNM.



MOHD Noor Helmy menziarahi mangsa kebakaran, Surati Kamisam, 62 di Semabok. Foto Iqmal Haqim Rosman

N12 - PANTAI KUNDOR



TUMINAH bergambar di hadapan Pentas Budaya Pantai Puteri yang bakal menjadi lokasi Rumah Terbuka DUN Pantai Kundor pada 20 Mei ini.

15,000 dijangka 'serbu' rumah terbuka tepi pantai

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PANTAI KUNDOR - Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor bakal menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri pada 20 Mei ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi berkata, rumah terbuka itu bakal diadakan di Pentas Budaya Pantai Puteri bermula jam 8 malam hingga 12 tengah malam.

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan 15,000 pengunjung akan menghadiri majlis berkenaan yang diadakan secara besar-besaran buat

pertama kali selepas dua tahun pandemik COVID-19 melanda.

"Kami di JAPERUN Pantai Kundor menjemput orang ramai dijemput hadir memeriahkan suasana sambutan Aidilfitri tahun ini.

"Sesiapa sahaja boleh datang kerana tahun ini memang kita merancang jamuan raya perdana.

"Insya-Allah jika tiada aral, majlis itu juga akan diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Perutusan Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali," katanya kepada Melaka Hari Ini.

1,000 kuntum bunga untuk kaum ibu

N27 - MERLIMAU



MUHAMAD Akmal memberikan bunga kepada kaum ibu secara pandu lalu di Bandar Merlimau.

Liana Sahabudin

MERLIMAU - Mengambil inspirasi dari zaman belajar di bandar Moscow, Rusia EXCO Kesihatan Negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh memberi 1,000 kuntum bunga buat golongan ibu di Merlimau.

Menurutnya, pemberian bunga itu sebagai tanda penghargaan kepada ibu selain sebagai simbolik kasih sayang kepada seorang ibu.

"Alhamdulillah tiada ungkapan selain terima kasih kita ucapkan pada semua ibu, hari ini istimewa sikit sebagai tanda penghargaan saya beri 1,000 kuntum bunga daisy kepada mereka yang lalu di Bandar Merlimau.

"Idea ini bermula daripada zaman saya belajar di Moscow, Rusia, orang Rusian mereka sangat menghargai wanita, mereka akan bagi bunga percuma kepada wanita kali hari wanita sebagai tanda menghargai.

"Dengan ingatan saya menggunakan tagline 'tanpa ibu siapalah kita', saya harap pemberian bunga ini dapat meraikan mereka yang bergelar ibu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada MHI selepas memberikan sekuntum bunga kepada para ibu di Bandar Merlimau di sini, 8 Mei lalu.

Dalam pada itu, Muhamad Akmal turut mengucapkan selamat hari ibu kepada semua wanita yang bergelar ibu sama ada di Melaka, Malaysia atau seluruh dunia.

"Saya Dr Muhamad Akmal Saleh mengucapkan hari ibu kepada semua ibu di Melaka, Malaysia dan seluruh dunia dengan ucapan tanpa ibu siapalah kita," katanya.

FOKUS
DUN

N25 - RIM

Jalan baharu Rim-Asahan bakal lonjak ekonomi

Mohamad Fazrul Abdul Majid

RIM - Sebuah jajaran jalan baharu dari Rim ke Asahan akan dibangunkan dan dijangka mampu meningkatkan ekonomi kawasan berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, jajaran jalan baharu itu akan dibuka dari Simpang Kerayong ke Bukit Katong dan seterusnya ke sebahagian kawasan di Asahan.

Menurutnya, projek berkenaan kini berada di fasa pra pembinaan dan bakal dilaksanakan dalam masa terdekat, yang mana ia dijangka mengambil masa kira-kira tiga tahun untuk disiapkan.

Beliau berkata, menerusi jalan baharu itu ia akan memudahkan sektor logistik bagi sektor pertanian dan pada masa sama ia bakal membantu meningkatkan sosioekonomi kawasan berkenaan.

"Jadi, bila jalan itu siap, jajaran itu akan kita akan teroka untuk membangunkan pelbagai tarikan dan peluang pekerjaan kepada penduduk di Rim khususnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim di Dewan Alamanda Jasin, baru-baru ini, yang turut dihadiri Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, Ketua Menteri Datuk

Seri Utama Sulaiman Md Ali, EXCO Kanan Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan lain-lain kenamaan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, jalan baharu itu juga dapat mengurangkan kesesakan di Pekan Jasin khususnya pada hujung minggu.

"Ia akan memudahkan pengguna jalan raya memandangkan Pekan Jasin sudah terlalu padat selain jalannya yang kecil dan tidak boleh dilebarkan lagi.

"Pada masa sama, kita juga berharap pelbagai manfaat dapat diterima warga Rim sebaik jalan itu dilaksanakan dalam masa terdekat dan siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun," katanya.



KHAIDHIRAH (tiga dari kanan) ketika mengadakan ziarah kasih di sekitar DUN Rim

N24 - BEMBAN



HASAN (kiri) mengatakan sesuatu kepada Sulaiman dan isteri pada Majlis Rumah Terbuka DUN Bemban. Foto: Mohd Azren Jamaludin

RM7 juta bangunkan Bemban Eco Street

Faiz Hasan

BEMBAN - Bemban Eco Street akan dibangunkan sebagai sebuah lokasi menjana ekonomi penduduk kampung di kawasan berkenaan.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bemban, Datuk Wira Hasan Abd Rahman berkata, pembangunan itu sejajar dalam misinya bagi memperkasa ekonomi penduduk kampung yang mampu menambah pendapatan per kapita dalam sesebuah keluarga.

Jelasnya, Bemban Eco Street yang direncana dibangunkan sepanjang lima kilometer akan menghimpunkan pelbagai produk daripada masyarakat kampung untuk diketengahkan dalam pasaran.

ran.

"Ia juga membabitkan pelbagai kegiatan penduduk kampung dan saya percaya ia akan menarik sokongan masyarakat setempat dari pelbagai kaum yang merupakan manifestasi kita ke arah menyatupadukan masyarakat untuk melihat Bemban sebagai sebuah kawasan yang maju jaya menggamit dunia.

"Perlaksanaan ini dijangka akan dibuka sekitar Julai akan datang dan setakat ini kita sedang menunggu kelulusan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau berkata, bagi merealisasikan perancangan itu, pihaknya kini sedang menunggu peruntukan Persekutuan yang dianggar berjumlah sekitar RM7 juta.

Aidilfitri: Melaka catat 676 kemalangan, empat maut

Salman Hamat

AYER KEROH - Melaka mencatatkan sebanyak 676 kes kemalangan dengan empat dilaporkan maut sepanjang pelaksanaan Op Selamat 18 bermula 29 April hingga 8 Mei.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) negeri Superintendan Amran Mohamad Zaki Omar berkata, berlaku kemasukan kenderaan dalam jumlah yang tinggi ke Melaka sepanjang cuti perayaan Aidilfitri lalu susulan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) oleh kerajaan.

Beliau berkata, jumlah kemalangan di Melaka meningkat sebanyak 73 kes atau 20 peratus berbanding 603 dicatatkan sepanjang Op Selamat 15 yang lalu.

"Mangsa yang parah juga meningkat daripada cuma tiga individu pada Op Selamat 15 kepada 32 orang atau peningkatan sebanyak 967 peratus.

"Namun jumlah kemalangan maut dan kematian dicatatkan cuma empat kes atau turun satu kes berbanding lima sebelum ini.

"Pada Op Selamat sebelum ini tidak ada mangsa dilaporkan cedera ringan, namun tahun ini Melaka merekodkan sebanyak 35 kes atau peningkatan sebanyak 100 peratus," katanya menerusi satu kenyataan.

Katanya, jumlah saman atas pelbagai kesalahan termasuk memandu melebihi had lalu dikeluarkan mengikut POL 257 dan POL 170A juga meningkat 32 peratus daripada 6,022 kepada 7,956 saman dikeluarkan.

Jelasnya, antara kesalahan yang banyak dikesan ialah membabitkan halangan lalu lintas, parkir bertindih dan menggunakan telefon bimbit ketika memandu.



ANGGOTA trafik mengawal aliran lalu lintas pada Op Selamat 18 sempena Hari Raya Aidilfitri di Plaza Tol Simpang Ampat. Foto Iqmal Haqim Rosman

Warga emas 'mereput' dalam rumah pusaka



MAYAT lelaki warga emas ditemui dalam rumah pusaka tinggal di Kampung Londang, kelmarin. Foto: Ihsan Polis Alor Gajah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TANJUNG BIDARA - Mayat seorang lelaki warga emas yang hampir mereput ditemui di sebuah rumah tidak bernombor di Jalan Hj Marip, Kampung Londang, di sini, jam 6.30 petang, 7 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendan Arshad Abu berkata, mayat lelaki berusia 63 tahun berkenaan ditemui oleh penduduk kampung yang kemudian membuat laporan berhubung perkara itu.

Beliau berkata, mayat warga emas itu ditemui terbaring di atas lantai dengan keadaan rumah yang berselerakkan dan seperti sudah

tidak didiami.

Menurutnya, siasatan awal mendapati rumah berkenaan merupakan rumah pusaka mangsa yang mana mangsa dikatakan telah tinggal seorang diri di rumah berkenaan sejak Feb lalu.

"Sebelum ini, mangsa tinggal bersama anaknya di Seremban, Negeri Sembilan sebelum menetap seorang diri di rumah berkenaan dan tidak pernah diziarahi sesiapa.

"Ketika ditemui, tiada sebarang pengenalan ditemui pada mayat, namun identiti mangsa telah disahkan isterinya hasil pengecaman," katanya.

Menurutnya, hasil bedah siasat mendapati mangsa telah mening-

gal dunia lebih kurang dua hingga empat minggu sebelum mayatnya ditemui.

"Keadaan mayat yang telah mereput menyebabkan punca kematian masih tidak dapat dipastikan.

"Beberapa spesimen mangsa akan dirujuk ke jabatan kimia untuk dianalisa," ujarnya.

Namun beliau, bagaimanapun menolak sebarang unsur jenayah susulan pemeriksaan fizikal tidak menemui sebarang kecederaan atau senjata tajam di lokasi kejadian.

"Setakat ini kes diklasifikasi sebagai mati mengejut sementara menunggu hasil ujian kimia," katanya.

Pemandu bas ekspres kanto 'stim' ganja

Liana Sahabudin

PERINGGIT - Seorang pemandu bas ekspres ditahan selepas dikesan positif dadah dalam Operasi Penguatkuasaan Sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2022 di Terminal Melaka Sentral di sini, 6 Mei lalu.

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Melaka Muhammad Firdaus berkata, pemandu lelaki berusia 38 tahun itu dikesan positif ganja selepas

menjalani ujian saringan air kencing.

"Siasatan mendapati suspek adalah pemandu gantian berasal dari Kedah membabitkan perkhidmatan bas ekspres laluan Melaka dan Kedah.

"Pemandu berkenaan ditahan oleh pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada jam 9.30 malam, susulan itu pihak pengurusan syarikat bas ekspres terbabit diarahkan untuk menyediakan pe-

mandu gantian yang lain sebelum dibenarkan meneruskan perjalanan," katanya pada sidang media selepas mengetuai operasi itu di Terminal Pengangkutan Awam Melaka Sentral, di sini.

Katanya, semakan dijalankan mendapati pemandu berkenaan memiliki rekod lampau dan masih dalam tempoh pengawasan oleh AADK.

"Lelaki berkenaan memang bekerja sebagai pe-

mandu bas sebelum ini berikutan kesalahan dikesan perjalanan sepatutnya bermula jam 10 malam ditangguhkan sementara menunggu pemandu gantian yang lain," katanya.

Muhammad Firdaus berkata, sepanjang operasi dijalankan sebanyak 326 bas dan seramai 122 pemandu diperiksa.

"Setakat 6 Mei, JPJ Melaka telah memeriksa sebanyak 944 buah kenderaan menerusi operasi penguat-



MUHAMMAD Firdaus (kiri) memeriksa dokumen diperlukan bagi setiap pemandu bas.

kuasaan bermula 29 April.

"Daripada jumlah itu sebanyak 174 buah kenderaan telah diambil tindakan, manakala sebanyak 203 notis atau kompaun

telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan meliputi ubah suai kenderaan, cermin gelap, insurans tamat tempoh dan lain-lain," katanya.



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: SEJARAH

SOALAN OBJEKTIF

TOPIK1: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

- British berusaha membendung idea gerakan Islam dari Timur Tengah sejak awal abad ke-20.
Apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh British?
A. Mendaftarkan pertubuhan
B. Menyekat kemasukan ulama
C. Mengaharamkan gerakan Pan-Islamisme
D. Memperkenalkan Enakmen Undang-undang Islam
- Apakah faktor teretusnya Perang Dunia Pertama di Eropah pada tahun 1914 hingga tahun 1918?
A. Pembentukan ideologi baharu
B. Persaingan kuasa imperialisme
C. Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
D. Ketidakpuasan hati Perjanjian Versailles
- Perjanjian Versailles yang ditandatangani selepas Perang Dunia Pertama telah menetapkan penubuhan Liga Bangsa-Bangsa.
Apakah matlamat penubuhan pertubuhan tersebut?
A. Memulihkan pakatan tentera
B. Menetapkan sempadan negara
C. Menggalakkan keamanan dunia
D. Menyalurkan bantuan kemanusiaan
- Bgaaianakah tokoh berikut mengetepikan Perjanjian Versailles yang telah ditandatangani pada tahun 1919?



Adolf Hitler

- Memperkuh sistem monarki
B. Menyertai kuasa Bersekutu
C. Melancarkan gerakan revolusi
D. Menduduki wilayah Rhineland
- Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik?
Mengapakah perang tersebut berlaku?
A. Perluasan ideologi komunis
B. Keperluan bidang perindustrian
C. Kegagalan perjanjian damai
D. Pembunuhan bakal maharaja
 - Apakah matlamat pentadbiran tentera Jepun menubuhkan institusi di bawah?

Institut Latihan Pemimpin-Pemimpin Muda (Koa Kunrenjo)

A. Membentuk tentera baharu
B. Menghalang kemaraan komunis
C. Menguruskan pentadbiran negara
D. Melatih penduduk tempatan
 - Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberikan layanan yang kejam kepada kaum Cina di Tanah Melayu?
A. Mengelakkan penyatuan kaum
B. Sistem sosial yang berbeza
C. Melaksanakan dasar pecah perintah
D. Sejarah permusuhan perang
 - Apakah matlamat penubuhan Giyu Gun atau Pembela Tanah Air (PETA)?
A. Melatih rakyat berkhidmat dengan Jepun
B. Membantu pertahanan tentera Jepun
C. Membangunkan ekonomi Indonesia
D. Menuntut kemerdekaan bersama Indonesia
 - Apakah yang boleh dikaitkan dengan maklumat dibawah?

- Gerakan Fi-Sabilillah
 - Tentera Selempang Merah
 - Khalifah Parang Panjang

- Penentangan terhadap Bintang Tiga
- Gerakan menentang tentera Jepun
- Peperangan jihad melawan British
- Mempertahankan kelangsungan hidup Melayu

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

- Gambar berikut merupakan individu yang berperanan penting semasa pendudukan Jepun di negara kita.
Apakah peranan yang dimainkan oleh individu tersebut?



Gurchan Singh

- Memberi bantuan perubatan
- Memimpin kumpulan pemberontak
- Mengetuai rundingan damai
- Menyebarkan propaganda penentangan

TOPIK2: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

- Mengapakah dikatakan perjanjian Negeri Melayu dengan British sebelum Perang Dunia Kedua tidak memindahkan kedaulatan negeri kepada British?
A. Sistem Raja Berperlembagaan diamalkan
B. Raja Melayu mengesahkan undang-undang
C. Pesuruhjaya Tinggi sebagai penasihat Raja Melayu
D. Setiap negeri melayu mempunyai Undang-Undang Tubuh
- Undang-undang berikut diwujudkan selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
 - Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kepentingan pengenalan undang-undang tersebut?
A. Penerusan raja berkuasa mutlak
B. Pelaksanaan sistem demokrasi
C. Pengamalan Raja Berperlembagaan
D. Pengenalan jawatan Yang di-Pertuan Agong
- Mengapakah Majlis Raja-Raja dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948 dianggap eksklusif untuk Raja-raja Melayu?
A. Penyertaan Yang di-Pertua Negeri
B. Pesuruhjaya British sebagai pengerusi
C. Penglibatan pegawai kanan British sebagai ahli
D. Pengendalian sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu
- Gambar berikut berkaitan dengan cap Mohor Besar Raja-Raja
Apakah kepentingan cap mohor tersebut?



- Mengiktiraf kerajaan yang dipilih rakyat
- Mengesahkan pelantikan Jemaah Menteri
- Melambangkan kedaulatan institusi beraja
- Meluluskan undang-undang yang digubal Parlimen

JAWAPAN

TOPIK 1:

1.D 2.B 3.C 4.D 5.B 6.D 7.D 8.B 9.B
10.D

TOPIK 2:

1.B 2.C 3.D 4.C

'Hero' UTeM bantu capaian internet sekolah luar bandar

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MERLIMAU - Sekumpulan pelajar dan pensyarah dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalankan projek khidmat komuniti dengan melaksanakan kerja pemasangan penghala wayarles beserta antena luaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Dang Anum, Merlimau Melaka, baru-baru ini.

Berteraskan sifat cakna dan prihatin, mereka mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang ada bagi tujuan memastikan anak-anak bangsa di desa turut dapat nikmati capaian internet bagi tujuan pembelajaran.

Projek khidmat komuniti itu diketuai oleh Profesor Madya Dr Imran Mohd Ibrahim dan dibantu tujuh pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) UTeM.

Dr Imran berkata, misi utama projek ini adalah memastikan sekolah ini mendapat capaian internet yang baik bagi memudahkan proses pengajaran dan pem-

belajaran berorientasikan akses internet dapat dilaksanakan.

Jelas beliau, penggunaan penghala wayarles itu merupakan pilihan yang terbaik kerana ia lebih menjimatkan perbelanjaan kepada pihak sekolah memandangkan mereka boleh menggunakan kad sim mana-mana syarikat telekomunikasi beserta pakej data yang dirasakan sesuai dengan keperluan pembelajaran.

Katanya, peralatan itu juga mudah dialihkan ke tempat lain sekiranya pihak sekolah merasakan ada keperluan untuk memindahkan lokasi kelas mengikut kesesuaian dan penggunaan dari semasa ke semasa.

"Projek ini juga menjadi serampang dua mata kerana mereka bukan sahaja mencurahkan khidmat komuniti malahan ia turut menjadi platform pendedahan awal kepada pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) wayarles yang semakin tinggi keperluannya pada

masa kini," ujarnya.

Mengulas lanjut beliau berkata, program itu akan diteruskan yang mana program susulan bersama pihak sekolah sedang dirancang seperti peluang kerjaya dalam bidang kejuruteraan termaju serta program inovasi teknologi bagi memupuk minat pelajar-pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Dang Anum, Norhafiz Haron berkata, terdapat dua kawasan strategik yang terpilih untuk pemasangan penghala wayarles ini.

Katanya, kawasan itu adalah kelas pembelajaran pelajar kelainan upaya dan kelas mentelaah pelajar-pelajar di asrama yang mana pihak sekolah menilainya sebagai keperluan yang mendesak.

Sehubungan itu beliau merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan pihak UTeM yang telah berjaya menyempurnakan kerja-kerja pemasangan dari mula hingga selesai.



PELAJAR dan pensyarah UTeM ketika melaksanakan kerja pemasangan penghala wayarles beserta antena luaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Dang Anum, Merlimau.



UNIVERSITI Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerusi Pengerusi Lembaga Pengarahnya Datuk Seri Dr Hasim Hasan menerima penyerahan dividen RM2.9 juta daripada UTeM Holdings pada Majlis Berbuka Bersama Tun Canselor di UTeM kampus induk, 21 April lalu. Majlis penyerahan replika cek itu disaksikan oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Taman TEKNOLOGI CHENG

Siap dengan CCC
UNTUK BUMIPUTERA

Kilang 1 1/2 Tingkat 40' x 130'

06- 334 5555 www.teobros.com

Pemaju:
CAPITAL FARMOSA SDN. BHD. 348783-K **張兄弟發展有限公司**
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD. 1000000-0

Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya, 75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06- 336 0551

The Malay World View of Time:

Pukul Berapa? Beduk and Jam



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

RENDERING time based on the mechanical/digital clock of some sort is the operational meaning of time in modern industrial societies today. But not all share similar conceptions of time. Notions of time configure upon our character and behaviour. My interest on the subject of time began almost 40 years ago at the University of Minnesota, Minneapolis. I was writing a paper on perspectives on the ideology of development, bringing in narratives from anthropology, sociology, economics, religion, and science. The paper eventually became my postgraduate project.

Time is intriguingly a sociological and a philosophical problem. Reading the Edward Said corpus, one finds the term "secular history," used to defend his argument for Islam and Muslim societies; at the same time segregating it from the theological and sacred dimensions of Islam. And reading the development corpus, one finds that time is structured as technological and economics. Not culture and the sacred. Secular time is always associated with technological development. Again, the preconception of time also differs among European and industrialized societies. Urban time is different from the agricultural farmlands.

To non-European societies, there is the secular, and there is the sacred. And life centres on the consciousness of religion. In the Malay world view, secular and sacred time coexist, while the consciousness of God transcends that dichotomy.

In the dimension of the secular, time is arbitrary, abstract, measured based on impersonal, and interchangeable units, pertains to the immediate reality, the worldly, everyday experiences. Sacred time is final time; strictly beyond the human conception of time. Secular time is the industrial time, the clock time. It is the operational concept of time. Sacred time is rhythmic, cyclical, eternal. Timeless.

I remember stating in subsequent papers, and also in my doctoral thesis that time can be scarce or abundant. We know it when we are late for an appointed time, and killing time. In industrialized societies, time is a commodity, to be bought, sold, spent, borrowed, spared, wasted, saved, suspended. This is different from agrarian societies.

Linguistics scholar Professor Asmah Haji Omar's *Malay Perception of Time* (2000/2013) looks at time through the grammatical systems and structures of Bahasa Melayu. These reflect notions of time deriving from a wealth of vocabularies from other languages including Sanskrit, Arabic, and Eng-



THE beating of the *beduk/tabuh* also signals the end of fasting for the day and the beginning of breaking fast – the start of drinking and eating. (Photo: Iqmal Haqim Rosman)

“...That the words *jam* and *pukul* could have already coexisted in Bahasa Melayu then, but did not enter the literary language.”

lish. Central to her study is the way the Malay (and also to add of other societies) divides time into frames – days and night, broadening it cosmological and religious beliefs. It tells on how Malays think with regard to time.

Malay classical texts do not mention the word *jam* or *pukul*, with the meaning of hour or o'clock in those texts. The Portuguese could have brought the clock to Melaka; and other parts of the Malay Archipelago including Kedah. Their presence, including that of the Dutch, may fall short of introducing the clock to the Malays. Asmah suggests that the absence of the mention of the clock could have been due to lifestyle and culture. Perhaps the mechanical clock could not find a place in Malay daily life then. She rationalizes that the words *jam* and *pukul* could have already coexisted in Bahasa Melayu then, but did not enter the literary language.

The word *pukul* would most probably stand for an earlier period in history, earlier than the European clock. This comes from the *beduk* and *tabuh* (two different objects) – drum to denote times of the day, specifically for daily prayers; also to announce the demise of a person. I remember the *beduk* at close

range when I would spend time at Port Weld, now Kuala Sepetang in the early 60s. My late uncle was the *imam* there; and their house was just next to the mosque. From house and mosque I could see the railway line, and remember the locomotive stopping at the end of the line at the centre of Port Weld. The *pukul* sounds were endemic then.

The beating of the *beduk/tabuh* also signals the end of fasting for the day and the beginning of breaking fast – the start of drinking and eating. And the sound of the drum at the break of dawn signalled the beginning of fasting the next day. Now the *pukul* is replaced by the amplification of the *azan/bang*, radio and television, the mechanical/digital clock.

Citing Singaravelu's (1992) paper on aspects of Indian perception of time and space, Asmah belabours on the word *jam*. Among the units of time in Tamil is the *yamam* or *jamam*, which is equivalent to 180 minutes or 3 hours. To denote the time of day in ancient Tamil culture, a gong was sounded at the interval of a *jamam*. She explains that the Malay word *jam* or the Tamil *jamam* can be traced to the Sanskrit root *jam* which denotes sound.

Rice farmers in Kedah have knowledge of what is known as *tahun piyama* (the *piyama* year), comprising 12 months, each consisting of 30 days. According to Asmah, the origin of *piyama* could be Sanskrit. There are two possible etymologies. One is the Sanskrit *vyama* meaning "measure of the outstretched arms, fathom," suggesting a measurement of space rather than time. The other is *pari* (complete) and the Tamil derivation *yamam* (180 minutes or three hours). One can see the phonological change from *v* to *p* as in the Sanskrit *vyama* to the Malay *piyama*.

The second etymology, on the origin of *pariyamam* gives a temporal denotation. Hence transferring it into Bahasa Melayu, two changes took place – *pariyamam* became *piyama(m)*. The second is the change in meaning in that *pariyamam*, the "complete cycle of three hours" is transformed into *piyama* which just means "complete cycle." Hence, *tahun piyama* means "year that undergoes a complete cycle."

NEXT WEEK:
Hari Domingo, Rembang and Purnama

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IUUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



SEBAHAGIAN kakitangan One Medic bergambar bersama selepas Majlis Berbuka Puasa One Medic Health Care Sdn Bhd di Hotel Ames.

One Medic lebar sayap di Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Bermula dengan hanya membuka sebuah klinik di Bukit Beruang pada tahun 2016, kini Klinik Keluarga One medic mempunyai enam cawangan yang mampu memberikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di negeri ini.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Ahmad Zariff Mohd Yusoff berkata, fokus utamanya pada awal pembukaan cawangan pertama di Bukit Beruang adalah untuk berbakti dan membantu penduduk setempat di kawasan itu.

"Namun hasil sokongan penduduk di situ yang setia mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kami, Alhamdulillah kita dapat memperluaskan klinik ini di kawasan lain.

"Setakat ini Klinik Keluarga One medic telah ada di Tangga Batu, Jasin, Bachang, Duyong dan Alor Gajah, Insya-Allah jika berkesempatan kita akan membuka ca-

wangan klinik ini di Negeri Sembilan atau Johor Bharu.

"Tapi apa yang kami fokuskan adalah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan setia kami dan bukannya kuantiti (jumlah) klinik yang dibuka, kami mahu pastikan semua pelanggan yang datang ke klinik berpuas hati dengan servis diberikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas Majlis Berbuka Puasa One Medic Health Care Sdn Bhd di Hotel Ames di sini, baru-baru ini yang turut dihadiri Pengarah Urusan One Medic, Datuk Seri Dr Yugaraj Raju.

Dalam pada itu, Ahmad Zariff berkata, One Medic tidak hanya memfokuskan kepada perkhidmatan rawatan kesihatan kepada pelanggan, malah mereka turut aktif melakukan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk komuniti.

"Ada banyak program CSR yang kita lakukan khususnya se-



AHMAD Zariff bergambar bersama pengurusan tertinggi One Medic.

masa wabak pandemik COVID-19 melanda negara, kita ada hantar sumbangan kepada masyarakat setempat selain sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana banjir.

"Sebenarnya tujuan utamakita beri sumbangan itu hanya untuk menceriakan mereka, biarkan kadang-kadang dalam kuantiti yang sedikit tapi boleh membantu mengembirakan mereka.

"Ini salah satu tanggungjawab dan sikap mesra kakitangan One Medic yang mendorong pelanggan untuk terus mendapatkan perkhidmatan di klinik," katanya.

Ahmad Zariff berharap supaya masyarakat atau komuniti terus menyokong One Medic bagi memastikan segala perkhidmatan disampaikan dapat diberikan dengan terbaik.

"Kita harap semua yang bersama dengan kita terus menyokong, jika ada salah silap kita akan

perbaiki, tapi yang penting semangat kita kena sentiasa kuat.

"Marilah kita bersama membantu masyarakat setempat. Kita

akan cuba bantu sebaik mungkin, alhamdulillah setakat ini sambutan dan respon pelanggan sangat menggalakkan," katanya.



AHMAD Zariff (empat kanan) dan Yugaraj (lima kanan) bergambar bersama selepas menyampaikan penghargaan kepada kakitangan One Medic yang paling lama berkhidmat.



ANIZAM Md Nor menerima sebuah motosikal bagi Anugerah Longest Services Member One Medic.

Encore Melaka bakal setanding Istana Budaya



ANTARA pementasan menarik yang dipersembahkan di Encore Melaka sejak ia dibuka kembali 30 April lalu.

Faris Haikal Zakaria

KOTA SYAH BANDAR - Memulakan kembali operasinya pada 30 April lalu,

Encore Melaka kini menawarkan pakej pementasan teater yang menghimpunkan penggiat industri seni dari seluruh Malaysia.

Dengan kepelbagaian seni yang bakal ditampilkan menerusi konsep pementasan mahupun persembahan muzik, Encore Melaka

membuka ruang bagi produksi tempatan melebarkan sayap mereka di pentas berprestij.

Penolong Pengurus Pe-

masarannya, Mandy Choon berkata, pihaknya sudah merangka pelbagai program sehingga hujung tahun ini bagi merencanakan semula bangunan itu, termasuk menjadikannya sebagai pentas bertaraf dunia.

"Kalau negara ada Istana Budaya dan Genting Highland yang menjadi tumpuan pengunjung untuk menonton teater, Melaka pun tak mustahil ke arah itu.

"Sebelum ini teater banyak tentang kebudayaan Melaka sahaja tapi kali ini kami berkolaborasi dengan produksi seni tempatan di mana kita sediakan platform ini dengan fasiliti yang ada untuk mereka mempersembahkan karya mereka.

"Kita dapat sambutan yang amat baik apabila baru-baru ini kita kolaborasi dengan Orang-Orang Drum

Threatre dari Kuala Lumpur yang mempersembahkan 'Mending The Broken Sky' masa pembukaan Encore tempoh hari," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Mandy lagi, pementasan teater yang bakal ditampilkan meliputi pelbagai genre dan mampu dinikmati oleh semua peringkat umur dan kaum di negara ini.

"Hari raya ini kita ada sebuah teater Melayu dan sebuah filem pendek bertajuk 'Tanjung' serta pelbagai lagi persembahan berbentuk konsert.

"Jadi penonton boleh menikmati semua ini dengan harga istimewa setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Untuk maklumat lanjut, layari website kami www.encore-melaka.com," katanya.

Cadangan bangun pengkalan data tarik pelancong

Fiqa Jamal

TENGERA - Pembinaan pengkalan data bagi pelancongan berulang atau 'recurring tourism' sedang giat dibincangkan dan bakal dilaksanakan di Melaka.

Pengasas RichWorks, Datuk Wira Dr Azizan Osman berkata beliau akan membantu negeri yang berasaskan pelancongan itu untuk menarik lebih ramai lagi pelancong datang ke negeri ini.

Katanya, pengkalan data tersebut akan digunakan bukan sekadar untuk memudahkan pengiraan

statistik pelancong yang datang, malahan dapat mengetahui maklumat pelancong tersebut.

"Selama ini pelancong datang, kita tidak ada data, kita tidak ada informasi, bila dia (pelancong) balik, kita tidak tahu siapa datang siapa balik, kita boleh kira sahaja statistik.

"Jadi apa yang saya cadangkan adalah kita akan bina satu pengkalan data bila datang je pelancong masuk Melaka, kita dapatkan nama, nombor telefon dan sedikit informasi dan apabila dia pulang, kita beri emel, ingatkan dia untuk datang kem-

balikan dan pergi ke lokasi yang dia tidak pernah datang lagi.

"Jika dalam perniagaan kita sebut 'recurring tourism', di mana pengunjung akan datang berkali-kali," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di kediaman ibunya di Villa Mak Ayah di sini 5 Mei lalu.

Dalam pada itu, pakar pemasaran Asia dan mentor keusahawanan itu berkata, beliau dan pasukannya akan cuba untuk melahirkan lebih ramai usahawan di negeri ini untuk sampai ke peringkat lebih tinggi.

Beliau turut menyambut baik saranan Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun

Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam untuk menyokong dan membantu dalam mem-

bina rangkaian entiti Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) keluar negara.



AZIZAN (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Tun Mohd Ali dan isteri Toh Puan Asmah Abd Rahman yang hadir ke majlis rumah terbuka Aidilfitri anjurannya baru-baru ini.

TAMAN
Paya Rumpit Utama
• CHENG •

SIAP DENGAN CCC
Hak Milik Kekal
RUMAH SIAP
SEDIA DIKUNJUNGI

RUMAH TERES 2 TINGKAT 22'/24' X 70'

PELAN LOKASI

UNTUK BUMIPUTERA

Pemaju :
Hartamas Indah Sdn. Bhd.
Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3,
Kawasan Perindustrian Malim Jaya,
75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06-336 0551

06- 334 5555
www.teobros.com

張兄弟發展有限公司
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.

KipMall, pusat beli belah mesra komuniti

Fiqa Jamal

BACHANG - Pengurusan Pusat Beli Belah KipMall Melakatelah merancang pelbagai aktiviti mesra komuniti selepas memasuki Fasa Peralihan ke Endemik pada 1 April lalu.

Penolong Pengurus Pusat Beli Belah KipMall, Mohamad Elmy Othman berkata kesemua aktiviti melibatkan pelbagai lapisan umur serta golongan masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum.

Katanya, antara aktiviti yang dilaksanakan di KipMall adalah Program Santuni Kasih pada bulan

Ramadan lepas dengan menyantuni anak-anak yatim, program nyanyian dan pelbagai lagi akan dilakukan pada masa akan datang mengikut musim perayaan.

"Sepanjang bulan Ramadan lalu, KipMall telah mengedarkan bubur lambuk dan sambutan sangat menggalakkan, itu antara yang akan diangkat secara tahunan insya-Allah kerana kami dikenali sebagai 'community mall'.

"Telah menjadi kebiasaan kami untuk menggembirakan hati serta menghargai setiap komuniti yang hadir melalui program-program



PERTANDINGAN anyam Ketupat antara program mesra komuniti yang dilaksanakan di KipMall Melaka.



PROGRAM Santuni Kasih yang dilaksanakan pada Ramadan lalu bagi menyantuni anak-anak yatim dan asnaf dalam pemberian kelengkapan pakaian serta kasut bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri.

mesra komuniti dan kita akan terus komited melayani komuniti yang hadir disini.

"Pihak pengurusan KipMall Melaka juga telah merancang pelbagai program-program CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat) pada masa akan datang khususnya untuk komuniti di sekitar Melaka.

"Untuk maklumat lanjut dan hebahan jangalupalayari Facebook kami KIPMall Melaka, Instagram KIPMall_Melaka dan juga melalui media massa seperti Melaka Hari

Ini (MHI)," katanya kepada MHI.

Mengulas lanjut, Mohamad Elmy turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membenarkan pelaksanaan pelbagai aktiviti dengan kapasiti penuh sebagai usaha dalam memulihkan ekonomi rakyat terutamanya di negeri Melaka.

Ujarnya, ramai peniaga menarik nafas lega apabila dapat meniaga seperti biasa dan ada peniaga yang mengambil peluang untuk menghabiskan stok jualan yang ti-

dak terjual pada fasa pandemik lalu.

"Syukur Alhamdulillah, gembira apabila dapat melihat para pengunjung mula memenuhi ruang niaga di KipMall Melaka ini.

"Selain daripada itu, para peniaga juga banyak mengambil peluang untuk menghabiskan stok-stok yang tidak terjual pada fasa pandemik dan juga ada yang meraih pendapatan dengan mengadakan pelbagai promosi-promosi menarik buat pengunjung KipMall Melaka," katanya.

PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

MELAKA HARI INI

TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936

AUTOMOTIF
Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori

HARTANAH
Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah

KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot

NOTIS
Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

www.melakahariini.my

 Melaka Hari Ini

Berkorban sambut raya di tengah samudera



ANGGOTA Maritim Malaysia Melaka/Negeri Sembilan yang terbabit dalam penugasan Op Pagar Laut meluangkan azan sebelum berbuka puasa di perairan Selat Melaka, berhampiran Kuala Linggi.

Farah Suhaidah Othman

KUALA LINGGI - Atas dasar tanggungjawab menjaga keselamatan dan kedaulatan Malaysia dua anggota senior Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) tidak kisah menyambut Aidilfitri di perairan negara khusus sepanjang pelaksanaan Op Pagar Laut.

Bagi mereka tugas diamanahkan perlu digalas dan dilaksanakan sebaik mungkin meskipun sudah tiga tahun berturut-turut tidak menyambut 1 Syawal bersama keluarga tersayang dan sanak-saudara di kampung.

Bintara Muda Maritim Mohd Mustaza Mohamad Nasir berkata, sebagai ketua bot Kilat 19, peranannya amat penting terutama ketika melakukan pemeriksaan terhadap atau kapal sebarang aktiviti mencurigakan di laut.

"Mungkin ini kali terakhir saya me-

nyambut 1 Syawal di laut bersama rakan setugas kerana akan bersara pada 23 Mei tahun hadapan selepas 17 tahun berkhidmat bersama Maritim Malaysia.

"Secara keseluruhan jika dicampur perkhidmatan terdahulu bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) saya menghabiskan masa selama 32 tahun menjaga kedaulatan sempadan maritim negara," katanya kepada Melaka Hari Ini di Pejabat Maritim Malaysia Melaka/Negeri Sembilan.

ANGGOTA APMM melakukan pengawasan pada waktu malam menggunakan bantuan 'Night Vision Goggle'.



rasal dari Alor Gajah, Mohd Mustaza akan pulang ke Kuala Lumpur untuk menyambut Aidilfitri pada Syawal ketiga berikutan ahli keluarganya tinggal di sana. Berkongsi pengalamannya Mohd Mustaza berkata, berbuka puasa ketika Ramadan atau menyambut 1 Syawal di laut sudah menjadi kebiasaan baginya.

Katanya, pada kebiasaan pegawai dan anggota terbabit dalam penugasan operasi akan membuat persiapan dengan membawa hidangan siap dibungkus untuk berbuka puasa.

Sementara itu Bintara Kanan Maritim Tuan Shamshul Bahari Tuan Abdullah yang juga orang lama dalam perkhidmatan Maritim Malaysia berkata, rakan setugas menjadi pengganti keluarga tercinta yang memeriahkan sambutan pada pagi 1 Syawal setiap kali dia terpaksa bertugas pada Aidilfitri.

"Tahun ini adalah kali ketiga saya tidak dapat menyambut 1 Syawal bersama ke-

uarga, tidak mengapa semua ini adalah demi tugas dan tanggungjawab kami sebagai warga Maritim Malaysia.

"Menyambut 1 Syawal di laut atau pejabat juga tetap meriah, semua ini menjadi asam garam bagi saya yang sudah berkhidmat selama 17 tahun bersama Maritim Malaysia," katanya.

Operasi Khas Pagar Laut siri 1/2022 bermula 19 April hingga 17 Mei 2022 di seluruh perairan Malaysia, bertujuan mengekang aktiviti penyeludupan rokok, migran dan membanteras jenayah di laut.

Operasi Khas Pagar Laut siri 1/2022 bermula 19 April hingga 17 Mei 2022 di seluruh perairan Malaysia, bertujuan mengekang aktiviti penyeludupan rokok, migran dan membanteras jenayah di laut.



PEGAWAI dan anggota Maritim Malaysia Melaka/Negeri Sembilan ketika melakukan rondaan sekitar perairan Selat Melaka, sepanjang Op Pagar Laut.



BINTARA Kanan Maritim Tuan Shamshul Bahari Tuan Abdullah.

MGBM terima dua pertubuhan belia baharu - Mohd Ridhwan

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Barisan EXCO Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) dan 20 wakil pertubuhan yang bergabung di bawah MGBM bersetuju menerima dua lagi pertubuhan belia baharu di Melaka.

Presiden MGBM, Senator Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata dua pertubuhan itu adalah Hindu Youth Organization Melaka (HYOM) dan Angkatan Belia Malaysia Future Leaders School (MFLS) Melaka.

"MGBM bermesyuarat sidang dewan tertinggi baru-baru ini dan kita sebulat suara menerima dua lagi pertubuhan belia bersama dalam keluarga besar Belia Melaka.

"Kedua-dua pertubuhan ini adalah kumpulan anak muda yang mana akan mengukuhkan lagi jaringan orang muda dalam MGBM.

"Mereka ini kita terima dan Insya-Allah kita dalam proses untuk bawa ahli-ahli ini bersama kita nanti.

"Kita akan 'endorse' dan muktamadkan ketika mesyuarat agung yang bakal berlangsung pada bulan Mei," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Agihan Bubur Lambuk Nur Ramadan, Melaka Hari Ini (MHI) dan Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) di Pasar Raya Mydin MITC di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Akhbar Ketua Menteri Melaka Nasharuddin Muhammad; Ketua Pegawai Eksekutif MHI Datuk Seri Abdul Jalil Hamid; Ketua Pegawai Operasi MHI Anuar Shaari; Presiden MTA, Madelina Kuah dan Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Melaka Saari Basiron.

Mengulas lanjut Mohd Ridhwan berkata, penglibatan dua pertubuhan baharu itu akan mengangkat aktiviti belia di negeri ini ke peringkat lebih tinggi.

"Fungsi kedua-dua pertubuhan ini masa samamacam pertubuhan belia yang lain, cumanya HYOM lebih kepada golongan India manakala Angkatan Belia MFLS adalah mereka yang berada di institusi pengajian tinggi.

"Dua kumpulan yang berbeza tetapi punyai semangat yang tinggi untuk terlibat dalam aktiviti belia, jadi kita bawa mereka supaya suara mereka dan ahlinya boleh bersama dengan kita," katanya.



MOHD Ridhwan mengagihkan bubur lambuk kepada pengunjung cilik di pasar raya Mydin, baru-baru ini.



KHAIDHIRAH (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta khatam al-Quran di Masjid As-Sajidin, Simpang Kerayong.

Belia dari tiga daerah berjaya khatam al-Quran

Faiz Hasan

RIM - Seramai 60 anak muda dari tiga daerah di negeri memanfaatkan sepenuhnya keberkatan bulan Ramadan apabila berjaya khatam al-Quran pada tahun ini.

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan negeri, Khairul Adri Rosli berkata, khatam al-Quran itu merupakan antara program yang dirancang membabitkan belia dari daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin dalam mengimarahkan suasana Ramadan tahun ini.

Katanya, seramai 20 anak muda diiringi dua ustaz dari daerah masing-masing telah dihimpunkan di Masjid As-Sajidin, Simpang Kerayong, di sini dalam program Rakan Muda Ramadan Majlis Khatam Al-Quran Negeri Melaka 2022, yang dianjurkan baru-baru ini.

"Program yang dianjurkan ini merupakan acara penutup bagi Program Tadarus al-Quran yang telah diadakan pada awal bulan Ramadan sehingga 25 Ramadan.

"Program ini merupakan program ikonik tahunan yang telah dilaksanakan di se-

luruh negara sejak sekian lama dengan anjuran tahun ini, program tadarus al-Quran kembali kepada konsep asal iaitu secara bersemuka dan fizikal.

"Alhamdulillah, program ini secara zahirnya mempromosikan dan menggerakkan golongan belia untuk membantu komuniti atau masyarakat setempat yang memerlukan bantuan dan khidmat sokongan malah memberi pendedahan kepada belia tentang kepentingan silaturrahim, kesukarelawan, bertanggungjawab kepada masyarakat serta hormat-menghormati antara satu sama lain," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terdahulu, program yang diadakan itu telah dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Program diadakan sejak jam 3 petang diakhiri dengan acara penyampaian sijil penyertaan kepada peserta dan penyampaian bantuan kepada asnaf terlibat.

Kesemua peserta yang hadir turut diraikan dengan Majlis Berbuka Puasa disusuli solat Maghrib, Isyak dan solat sunat Tarawih berjemaah.

Taman Puncak Bertam
MALIM HILL PARK

RUMAH SIAP SEDIA DIKUNJUNGI UNTUK BUMIPUTERA

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT 40' X 80'

RUMAH TERES 2 TINGKAT 22' X 70'

Hak Milik Kekal

位置图

Taman Puncak Bertam

Tim. Asean, Melaka, Cheng Height Condominium, Kg. Pulau Gadong, Jalan Malim, S.M.K. Malim, Tesco (Cheng), Cheng Business Point, Alor Gajah

Pemaju:
7E0 張兄弟發展有限公司
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. No. 35229-A)
Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya, 75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06-338 0551

06-334 5555
www.teobros.com

Sukan

MELAKA HARI INI

TARIKH IKLAN : 11.5.2022

TENDER PERKHIDMATAN KANTIN

REJIMEN 21 KOMANDO

Tawaran adalah dipelawa kepada pengusaha-pengusaha kantin yang berpengalaman untuk memberikan perkhidmatan di atas. Tarikh tutup permohonan adalah 21 hari dari tarikh iklan ini di siarkan. Borang tender boleh didapati dengan bayaran RM20.00 di bawah :

REJIMEN 21 KOMANDO, KEM Sungai Udang, 76300 Sungai Udang Melaka.

TELEFON UNTUK DIHUBUNGI 018 7888017



SHANMUGAM (tengah) menyaksikan penyerahan sumbangan oleh MSNM kepada dua atlet judo Melaka yang bakal beraksi di Sukan Sea Vietnam.

Melaka mahu jadi 'kilang' judo

Fiqa Jamal

MELAKA menasaskan untuk menjadi pusat dalam melahirkan jurulatih seni bela diri bertaraf antarabangsa menerusi sukan seni bela diri judo.

EXCO Belia, Sukan dan NGO negeri, V P Shanmugam berkata perkara itu tidak mustahil kerana Melaka mempunyai pakar judo bertaraf dunia yang melatih atlet-atlet untuk menempa nama di persada antarabangsa.

Katanya, seiring dengan usaha itu kerajaan negeri akan membantu menyediakan tempat latihan yang kondusif selain menjaga kebajikan atlet.

"Melaka menasaskan untuk menjadi pusat pengeluaran jurulatih seni bela diri khususnya judo kerana jurulatih yang sedia ada di negeri ini telah melatih atlet yang juga jurulatih sukan judo ke persada antarabangsa.

"Seperti di Persatuan Judo Negeri Melaka, dua atlet Ong Kun Xiong dan Tan Woon Kiat akan yang akan membawa nama negara di Sukan Sea Hanoi, Vietnam. Mereka berdua juga merupakan jurulatih di persatuan ini.

"Jadi, seiring dengan apa yang disasarkan kerajaan negeri juga akan berusaha untuk menyediakan tempat latihan yang kondusif sebagai usaha dalam meningkatkan pelancongan sukan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Pusat Latihan Persatuan Judo Negeri Melaka di sini, 8 Mei lalu yang turut dihadiri Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM), Mahathir Mustafa.

Dalam sesi lawatan itu juga Shanmugam bersama wakil dari MSNM turut memberikan sedikit suguhati serta kelengkapan sukan tersebut kepada dua atlet yang akan mewakili Malaysia di Sukan Sea di Hanoi Vietnam.

Mengulas lanjut, Shanmugam berkata untuk sasaran pingat, beliau mengharapkan sekurang-kurangnya satu pingat dapat dibawa pulang ke Melaka menerusi sukan seni bela diri itu pada temasya Sukan Sea itu nanti.

Tambahnya, beliau turut berharap sukan berdisiplin tinggi itu dapat berkembang di Melaka dan pelbagai masyarakat dapat mempelajari sukan seni bela diri itu.

Misi tebus maruah di Hanoi

"KAMI mahu tebus kekecewaan semasa Sukan Sea Filipina dahulu apabila skuad judo negara hampa dan gagal membawa pulang pingat," kata Atlet judo kebangsaan Ong Kun Xiong dan Tan Woon Kiat.

Kedua-dua atlet sukan seni bela diri itu optimis mereka mampu melakar kejutan meskipun tanpa latihan di pusat serta kejohanan besar kerana kekangan semasa pandemik COVID-19.

Menurut Ong Kun Xiong, 31, mereka bakal berentap dengan atlet dari negara lain menerusi acara Goshin-Jutsu dan menasaskan kilauan pingat emas dalam acara tunggal mereka itu.

Katanya, mereka berdua hanya dapat berlatih pada waktu malam atau hari cuti sahaja sebagai persiapan ke Sukan Sea memandangkan terikat dengan pekerjaan hakiki sebagai jurutera kilang di Melaka.

"Dari segi latihan, kami berlatih di Melaka sahaja kerana terikat dengan kerja dan sepanjang tempoh dua tahun ini tiada acara besar dalam sukan judo yang dipertandingkan, namun kami sentiasa mendapat sokongan penuh daripada jurulatih Lee Khim Seng.

"Selain itu kami juga merujuk pada video dan Youtube bagi memastikan tidak terlepas sebarang markah akibat kesiapan ketika bertanding," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Tan Woon Kiat, 34, berkata, meskipun semangatnya berkobar, namun dia enggan mengambil mudah cabaran atlet lain yang akan beraksi, khususnya atlet tuan rumah yang disifatkan sebagai pencabar utama.

"Saya melihat Vietnam sebagai pencabar utama kerana mereka adalah tuan rumah dan persiapan sudah pasti cukup di pihak mereka.

"Dan sebab itu kami akan buat yang terbaik bagi memastikan pingat emas itu kepunyaan kami" katanya yang bakal berlepas ke Vietnam pada 16 Mei ini.



ATLET judo kebangsaan Ong Kun Xiong (kanan) dan Tan Woon Kiat (kiri) yang bakal membawa cabaran negara di Sukan Sea Vietnam.